

"DAN Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa dengan sebaik-baiknya".  
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah al-Isra', ayat 23.

## DPMM FC, KUCHING CITY FC TERIKAT 2-2



Oleh : Nooratini Haji Abas

**BERAKAS**, Sabtu, 25 April - DPMM FC terpaksa akur setelah seri 2 - 2 kepada Kuching City FC dalam saingan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

>> Muka 3

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri** berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan. Turut berangkat, paduka adinda **Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik**. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.

## Berita Utama



**MEMPERKUKUH** penghayatan MIB sebagai teras jati diri NBD


Muka 10



**LIFESAVER 995 Community Challenge** perkasanya peranan *first responder*

Muka 12

PERANGKAIAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA  
FEBRUARI 2026  
BND Juta



Muka 18



**SEMOGA** mendapat haji yang mabrur

Muka 21

## Rebut kelebihan, manfaat ibadah korban

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**MUKIM LUMAPAS**, Sabtu, 25 April. - "Melaksanakan ibadah korban itu sunnah *muakkadah*. Maksud hukum sunnah *muakkadah* dalam melaksanakan ibadah korban ialah melaksanakan ibadah korban sunat itu sangat dituntut kita melakukannya.

"Ia tidak sama dengan tuntutan sunat biasa seperti tuntutan sunat bersedekah atau sunat berpuasa sunat pada hari Isnin dan Khamis.

"Orang-orang yang melaksanakan ibadah korban dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala keistimewaan yang sangat tinggi nilainya.

"Tidak melaksanakan ibadah korban pula adalah suatu kerugian besar kerana ia hanya datang sekali dalam setahun".

Demikian antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin, selaku Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kasat bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU) Kali Ke-226 malam tadi.

Menyertai Malam Munajat itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Menyemarakkan acara Munajat minggu ini ialah Ahli Jawatankuasa Takmir, Belia dan Jemaah Masjid Kampung Kasat serta dari beberapa buah masjid di seluruh negara, dan juga warga kerja KHEU serta individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

>> Muka 4

## Doa Selamat untuk bakal jemaah haji KHEDN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Ibadah haji merupakan Rukun Islam yang kelima, yang difardukan ke atas umat Islam yang berkemampuan.

Para bakal jemaah haji disarankan membuat persediaan rapi bagi menghadapi pelbagai ujian dan cabaran ketika berada di Tanah Suci, khususnya dalam keadaan cuaca yang panas serta jumlah jemaah yang ramai.

Sehubungan itu, ilmu pengetahuan amat penting untuk diterapkan, terutama yang berkaitan dengan manasik haji dan umrah.

>> Muka 5

## Melindungi kesihatan negara melalui program imunisasi kukuh, mampan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama dengan Negara-negara Ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang lain menyambut Minggu Imunisasi Sedunia setiap tahun pada 24 hingga 30 April yang bertujuan untuk mengingatkan orang ramai mengenai kepentingan vaksin dalam melindungi semua peringkat umur daripada penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin.

Pada tahun ini, Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia 2026 membawa tema 'Untuk Setiap Generasi, Vaksin Berkesan' yang menekankan peranan penting vaksin dalam melindungi individu pada setiap peringkat kehidupan - daripada anak damit hingga warga emas.

Perkara demikian dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia 2026 pada 24 hingga 30 April dengan bertemakan 'Bagi Setiap Generasi, Vaksin Berkesan' (For Every Generation, Vaccines Work).

Menurut Yang Berhormat, pemberian vaksin merupakan salah satu intervensi kesihatan awam yang sangat penting lagi kos efektif dalam pencegahan penyakit-penyakit yang boleh dicegah seperti Campak, Poliomielitis, Difteria dan Pertusis.

>> Muka 5

# Keselamatan makanan sebagai teras pembangunan serantau yang mampan

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**S**EGALA puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita dikumiakan penghormatan untuk berhimpun pada hari ini bagi Sesi Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC).

Saya dengan penuh sukacita mengalu-alukan kehadiran para Menteri, ketua-ketua delegasi serta para peserta yang dihormati sekalian ke Negara Brunei Darussalam. Kehadiran awda semua mencerminkan satu tujuan bersama serta tanggungjawab kolektif untuk menjamin masa depan bekalan makanan bagi rakyat dan rantau kita.

Kita berhimpun pada waktu yang amat penting. Sistem makanan di rantau ini kini berdepan dengan tekanan yang semakin meningkat. Perubahan iklim telah mula memberi kesan terhadap cara kita menanam dan menghasilkan makanan. Ekosistem semula jadi turut terdedah, manakala rantaian bekalan masih kekal terdedah kepada pelbagai risiko.

Tekanan-tekanan ini paling dirasai oleh para petani, nelayan serta komuniti yang bergantung kepada keputusan-keputusan yang kita ambil. Kita juga tidak boleh mengabaikan konflik geopolitik yang berterusan di Timur Tengah, yang terus mengganggu perdagangan global dan pasaran tenaga. Ketegangan ini, bersama perkembangan global yang lebih luas, menambahkan lagi tekanan ke atas sistem makanan di Asia dan Pasifik.

Fenomena ini mengingatkan kita akan keperluan mendesak untuk memperkukuh daya tahan serta mempererat kerjasama, demi menjamin keselamatan makanan rakyat

kita. Dalam konteks ini, keselamatan makanan hendaklah kekal sebagai teras utama usaha kolektif kita.

Pada masa kini, keselamatan makanan bukan lagi sekadar berkaitan dengan bekalan semata-mata. Ia juga melibatkan akses, pemakanan serta usaha membina daya tahan bersama, bagi memastikan sistem kita cukup kukuh bukan sahaja untuk menghadapi keadaan semasa, bahkan untuk generasi yang akan datang.

Ini menuntut kita untuk memperkasa para pengeluar, menyokong wanita dan belia serta melabur dalam inovasi merentasi sektor pertanian, perikanan dan perhutanan. Yang paling utama, ia memerlukan kita untuk bekerjasama.

Bagi Negara Brunei Darussalam, keselamatan makanan merupakan keutamaan negara serta tanggungjawab serantau yang dikongsi bersama. Sebagai sebuah negara yang amat menyedari kerentanan akibat gangguan rantaian bekalan global serta cabaran yang sentiasa berubah, kita memberikan penekanan yang tinggi terhadap kerjasama serantau di bawah Kerangka Pertubuhan Makanan dan Pertanian.

Sejajar dengan wawasan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuh daya tahan negara melalui peningkatan tahap sara diri, kita komited untuk memperkasa sistem makanan negara melalui inovasi dalam sains dan teknologi makanan, memajukan amalan pertanian lestari serta membangunkan rantaian nilai hiliran.

Pada masa yang sama, kita juga perlu memastikan sokongan teknikal serta persekitaran yang kondusif disediakan, bagi mengurangkan kerentanan, meningkatkan kecekapan dan membuka akses pasaran yang lebih

luas kepada para petani, nelayan dan pengeluar.

Kita juga sentiasa peka terhadap tanggungjawab sebagai pemelihara sumber semula jadi, termasuk hutan, sebagai sebahagian daripada pendekatan pembangunan menyeluruh, di samping terus meneroka pendekatan berasaskan alam semula jadi bagi menyokong komitmen kelestarian jangka panjang.

Tidak ada sebuah negara pun di rantau ini mampu menangani cabaran-cabaran ini secara bersendirian. Aspirasi bersama kita adalah jelas, iaitu untuk membina sistem makanan yang berdaya tahan, inklusif dan lestari demi generasi akan datang.

Cabaran yang kita hadapi adalah besar, namun ia mampu diatasi. Kemajuan menuntut agar pembangunan ekonomi dan pengurusan sumber yang bertanggungjawab bergerak seiring, bukan bersaing.

Keazaman untuk bertindak serta komitmen untuk bertindak bersama akan menentukan masa depan rakyat kita.

Melalui kerjasama yang lebih kukuh, perkongsian pengetahuan serta pembangunan kapasiti, saya yakin rantau kita mampu membina masa depan makanan yang lebih berdaya tahan, inklusif dan lestari, bukan sahaja untuk rantau ini bahkan untuk dunia.

Adalah menjadi harapan besar saya agar persidangan ini akan menghasilkan keputusan yang bermakna, praktikal dan berkekalan. Para petani, komuniti serta generasi yang akan datang berhak menerima yang terbaik daripada kita.

Akhir sekali, saya mengucapkan selamat bersidang kepada semua delegasi. Semoga pertemuan ini akan terus mengukuhkan jalinan kerjasama serta membawa kita lebih dekat ke arah masa depan Asia dan Pasifik yang lebih terjamin dan lestari.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Sesi Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC) yang berlangsung di Dewan Indra Samudra, The Empire Brunei, Jerudong pada Khamis, 23 April 2026.**

Terjemahan daripada teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :  
Hajah Musmariani Haji Mohamed

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan ini merasmikan pembukaan Sesi Ke-38 FAO APRC.  
*Wabillahit Taufik Walhidayah,*  
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	ISNIN	9	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
28	SELASA	10	4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
29	RABU	11	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	KHAMIS	12	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 MEI	JUMAAT	13	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.35	6.26	7.38
2	SABTU	14	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
3	AHAD	15	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C	34 26 °C	34 26 °C	
Pekan Bangar			
34 26 °C	34 26 °C	34 26 °C	
Pekan Tutong			
34 26 °C	34 26 °C	34 26 °C	
Kuala Belait			
34 26 °C	34 26 °C	34 26 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 27 APRIL 2026

### Elakkan pembakaran terbuka

**M**USIM kering merupakan fenomena tahunan yang sering melanda beberapa negara, termasuk Negara Brunei Darussalam. Ketika tempoh ini, turunan hujan berkurangan dan suhu meningkat, menyebabkan keadaan persekitaran menjadi lebih kering dan mudah terdedah kepada kebakaran. Dalam situasi sebegini, amalan pembakaran terbuka bukan sahaja berbahaya, malah boleh membawa kesan buruk kepada kesihatan manusia, keselamatan awam, dan alam sekitar.

Pembakaran terbuka merujuk kepada aktiviti membakar bahan seperti sampah, daun kering atau sisa pertanian di kawasan terbuka tanpa kawalan. Walaupun sesetengah pihak menganggapnya sebagai cara mudah untuk melupuskan sisa, tindakan ini sebenarnya boleh mencetuskan kebakaran besar, terutama apabila angin kencang dan cuaca panas mempercepatkan penyebaran api.

Pembakaran terbuka juga menyumbang kepada pencemaran udara dan fenomena jerebu. Asap yang dihasilkan mengandungi bahan berbahaya yang boleh menjejaskan sistem pernafasan, terutama individu yang mempunyai masalah kesihatan.

Menurut laporan Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam baru-baru ini, keadaan cuaca di Negara Brunei Darussalam diramalkan panas dan kering sehingga hujung minggu ini dengan aktiviti turunan hujan yang minimum berlaku terutamanya di kawasan pedalaman.

Manakala suhu maksimum harian dijangkakan berada dalam lingkungan 33 darjah Celsius hingga 37 darjah Celsius.

Bagi mengurangkan risiko kebakaran hutan dan sekitarnya, masyarakat perlu mengambil langkah pencegahan yang berkesan. Antaranya ialah mengelakkan pembakaran terbuka sama sekali dan beralih kepada kaedah pelupusan sisa yang lebih mesra alam seperti kitar semula dan pengkomposan.

Selain itu, kawasan sekitar rumah harus sentiasa dibersihkan daripada bahan mudah terbakar seperti rumput kering dan daun gugur. Langkah ini dapat mengurangkan kemungkinan api merebak sekiranya berlaku kebakaran.

Orang ramai perlu peka dengan keadaan cuaca pada ketika ini dan perlu mengambil berat tentang keadaan sekeliling agar tidak berlakunya risiko kebakaran hutan. Dengan sikap bertanggungjawab dan kerjasama yang padu, kesan buruk musim kering dapat diminimumkan demi keselamatan bersama.

Oleh itu, marilah kita tingkatkan kewaspadaan dengan cuaca pada ketika ini, ambil langkah sewajarnya agar tidak berlakunya perkara yang tidak diingini. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# DPMM FC, Kuching City FC terikat 2-2



**KEBERANGKATAN** tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bagi menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC menentang Kuching City FC dalam saingan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026.

## >> Muka 1

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Turut berangkat, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia



Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan tiba DYTM dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Pada babak pertama perlawanan, Kuching City FC mendahului DPMM FC dengan menjaringkan gol pertama seawal minit ke-6, hasil sepakan Ahmad Danial Ahmad Asri.

DPMM FC terus berusaha bersungguh-sungguh, sehingga berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-24 menerusi Jordan De Paula Rodrigues.

Rentak permainan Kuching City FC menjadi kucar-kacir apabila DPMM FC terus menyerang bertubi-tubi ke gawang mereka dengan menambah lagi gol kedua pada minit ke-31 hasil sepakan kencang, Jordan David Murray.

Pada babak kedua perlawanan, peluang Kuching City FC untuk menyamakan kedudukan tidak berhasil setelah gagal menyumbat masuk bola menerusi sepakan penalti.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Muhammad Asri Awang Haji Abas

Pada masa tambahan, Kuching City FC sekali lagi gagal menambah gol mereka menerusi sepakan penalti kedua. Namun, beberapa saat setelah sepakan penalti kedua berkenaan, Kuching City FC berjaya menyudahkan gol kedua menerusi Jordan Mintah.

Sementara itu, dalam sidang media selepas tamat perlawanan, Ketua Jurulatih Kuching City FC, Aidil Sharin Sahak menzahirkan rasa syukur kerana walaupun mereka kehilangan tiga mata penuh akan tetapi, mereka tetap berfikir positif dengan mendapat satu mata daripada tidak memperolehnya.

Manakala, Ketua Jurulatih DPMM FC, Jamie McAllister pula berkata para pemain DPMM FC telah pun menunjukkan aksi permainan yang baik pada malam ini.

Jelasnya, para pemain juga menampakkan usaha mereka bersungguh-sungguh untuk memperoleh tiga mata penuh untuk pasukan mereka.

Pada perlawanan seterusnya, DPMM FC akan menentang Imigresen FC pada 3 Mei 2026, di Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar.

Sementara itu, DPMM FC masih kekal di kedudukan kelapan liga manakala Kuching City FC pula berada di kedudukan ketiga.



**BERANGKAT** sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah (atas), manakala gambar kiri dan bawah kiri, antara aksi perlawanan. Sementara gambar bawah, para penyokong yang hadir.



# BERKENAN SERTAI KEJOHANAN TERBUKA ARTURA



Oleh : Radio Televisyen Brunei

Foto : Tangkap Layar RTBGo

**BENGGURONG**, Ahad, 26 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menyertai Kejohanan Terbuka Artura dan seterusnya merasmikan

pembukaan rasmi Artura yang berlangsung di Gelanggang Artura, Kampung Bengkurong.

Pada kejohanan tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah telah menyertai

Kategori Terbuka Wanita.

Semasa perlawanan pertama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri bersama pasangannya, Dayang Hajah Atiah binti Pehin Dato Haji Mohd. Jaafar memenangi perlawanan dengan kiraan 6 - 2. Sementara pada perlawanan kedua, Yang Teramat Mulia dan pasangannya tewas pada kiraan 2 - 6.

Kejohanan Terbuka Artura ini mempromosi sukan pedal kepada masyarakat umum, menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif selain menjadi platform untuk mencungkil bakat baharu.

**YANG** Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menyertai Kejohanan Terbuka Artura dan seterusnya merasmikan pembukaan rasmi Artura di Gelanggang Artura, Kampung Bengkurong.

# REBUT KELEBIHAN, MANFAAT IBADAH KORBAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



## >> Muka 1

Atur cara Munajat malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Kampung Kasat, Awang Haji E'rifin bin Haji Mohd Yusof, juga selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung Kasat serta Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kasat yang bersiaran dari masjid berkenaan.

Dikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Razin Hakim bin Haji Razak, Pelajar Diploma 'Aliyah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah yang juga Belia Masjid Kampung Kasat.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal

Ehwal Masjid, Masjid Kampung Kasat, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Mohd Amiruddin bin Pengiran Haji Tejudin.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai oleh belia dan Jemaah Masjid Kampung Kasat.

Kemudiannya Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat IV, Imam Masjid Kampung Kasat, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Ajrin bin Haji Rungging.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan Doa Munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: <http://tiny.cc/munajatkheu>.

TURUT hadir bagi sama-sama menyenikan lagi Malam Munajat tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

# IHP menurun 0.1 peratus bulan Mac 2026

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

deps.mofe.gov.bn  
info.statistics@pes.gov.bn  
@statistics.jpes



جباتن فرانچن ايكونومي دان ستاتيك  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
BRUNEI DARUSSALAM

deps.mofe.gov.bn  
info.statistics@pes.gov.bn  
@statistics.jpes




جباتن فرانچن ايكونومي دان ستاتيك  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
BRUNEI DARUSSALAM

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 23 April. - Bagi bulan Mac 2026, Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun sebanyak 0.1 peratus berbanding bulan Mac 2025, terutamanya didorong oleh penurunan Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.3 peratus. Manakala Indeks Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus.

Penurunan Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga-harga Perhubungan (3.5 peratus), khususnya pakej perkhidmatan internet; Rekreasi dan Kebudayaan (2.2 peratus), iaitu perkhidmatan langganan penstriman media dalam talian; dan Pengangkutan (0.4 peratus), terutamanya harga alat ganti dan aksesori kenderaan.


Bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan, peningkatan adalah terutamanya didorong oleh kenaikan harga Ikan dan Makanan Laut (4.0 peratus), khususnya ikan dan udang segar; Daging (1.5 peratus), khususnya harga ayam segar; dan Kopi, Teh dan Koko (5.6 peratus).

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Mac 2026 menurun sebanyak 0.3 peratus dari bulan Februari 2026, terutamanya didorong oleh penurunan Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.4 peratus.



disebabkan oleh penurunan harga-harga Pakaian dan Kasut (5.1 peratus); Pengangkutan (0.8 peratus); dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (0.2 peratus). Manakala peningkatan bagi Indeks Makanan dan Minuman

Ringan adalah terutamanya didorong oleh peningkatan harga Sayur-sayuran (2.3 peratus); Daging (0.6 peratus); dan Buah-buahan (0.3 peratus). IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.



perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat

perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mac 2026 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).

# MELINDUNGI KESIHATAN NEGARA MELALUI PROGRAM IMUNISASI KUKUH, MAMPAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Infografik : Ihsan Kementerian Kesihatan



setiap hari, selama lebih lima dekad.

“Keputusan setiap keluarga untuk memberi vaksin kepada anak-anak mereka, bersama komitmen daripada kakitangan kesihatan untuk memastikan setiap kanak-kanak menerima vaksin, serta komitmen yang kukuh daripada kepimpinan negara, telah membantu meningkatkan kadar kelangsungan hidup anak damit sebanyak 40 peratus dalam tempoh 50 tahun yang lalu dan melindungi puluhan juta kanak-kanak daripada kecacatan seumur hidup,” jelas Yang Berhormat.

Ujar Yang Berhormat, Alhamdulillah, di NBD, semua rakyat dan penduduk di negara ini dapat menerima perkhidmatan vaksin daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan (Expanded Programme for Immunisation), Kementerian Kesihatan.

Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan NBD ini, tambah Yang Berhormat, menyediakan vaksin-vaksin yang menyeluruh, selamat dan berkesan merangkumi 12 jenis vaksin untuk penyakit yang boleh dicegah melalui

vaksin.

Pemberian vaksin kepada semua rakyat dan penduduk melalui Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (MCH), perkhidmatan kesihatan sekolah serta perkhidmatan vaksinasi dalam komuniti, NBD telah berjaya mengekalkan pencapaian kadar liputan imunisasi kanak-kanak yang tinggi iaitu lebih daripada 95 peratus perlindungan sepanjang dekad yang lalu, terang Yang Berhormat lagi.

Hal ini, jelas Yang Berhormat, boleh menyumbang kepada pengawalan dan penghapusan penyakit cegah vaksin di negara ini seperti Campak, Rubella dan Poliomielititis.

“Di samping itu, pengenalan Vaksin Pertussis bagi ibu mengandung pada bulan November 2024 dan pengenalan Vaksin Konjugat Pneumokokal (PCV) untuk anak damit dalam Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan pada bulan Februari 2025, menyerlahkan lagi komitmen Kerajaan NBD dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan yang baik bagi penduduk negara ini.

“Pencapaian Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan telah juga berjaya menjadikan NBD sebagai salah satu negara

yang diisytiharkan bebas daripada penyakit Polio, Measles dan Rubella, sejak dua dekad lalu,” kongsi Yang Berhormat.

Walaupun NBD telah mencapai kemajuan yang tinggi dalam pencapaian imunisasi Yang Berhormat menegaskan Kementerian Kesihatan ingin menggalakkan semua ibu bapa, penjaga dan individu untuk memastikan vaksinasi sentiasa dipatuhi mengikut jadual yang telah diberikan di klinik-klinik.

Ini tekannya amat penting bagi mencegah kemunculan semula penyakit yang masih menjadi ancaman di peringkat global, terutamanya dalam keadaan di mana konflik global dan perpindahan penduduk sedang berlaku.

“Selaras dengan tema ‘Untuk Setiap Generasi, Vaksin Berkesan’ Kementerian Kesihatan, NBD terus kekal komited dalam melindungi kesihatan negara melalui program imunisasi yang kukuh dan mampan.

“Dengan memastikan liputan yang tinggi serta akses yang saksama, NBD akan terus melindungi generasi masa kini dan akan datang daripada penyakit cegahan vaksin,” jelas Yang Berhormat.

## >> Muka 1

Dalam tempoh 50 tahun yang lalu, kongsi Yang Berhormat, vaksin telah menyelamatkan lebih daripada 150 juta nyawa – ini bukan secara kebetulan tetapi

kerana individu memilih untuk melindungi diri mereka, keluarga mereka dan komuniti mereka.

“Impak ini adalah bersamaan dengan menyelamatkan enam nyawa setiap minit,

# Doa Selamat untuk bakal jemaah haji KHEDN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



## >> Muka 1

Perkara berkenaan antara inti pati Ceramah Khas bertajuk ‘Meraih Kesempurnaan Haji’ yang disampaikan oleh Pegawai

Perkembangan Ugama, Pusat Da’wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa selaku penceramah jemputan pada Majlis Doa Selamat

bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) serta Jabatan-jabatan di Bawahnya yang akan menunaikan fardu haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, Bangunan KHEDN.

Menurutnya lagi, teori yang dipelajari kebiasaannya mungkin berbeza dengan situasi praktikal semasa pelaksanaan ibadah. Justeru, jemaah hendaklah sentiasa peka dan tidak teragak-agak untuk bertanya kepada pegawai haji yang dilantik, khususnya dalam perkara berkaitan hukum-hakam.

Tambahnya, bagi meraih kesempurnaan haji, beberapa perkara perlu diberi perhatian, antaranya tidak melakukan persetubuhan semasa dalam keadaan berihram, menjauhi kata-kata keji, mengelakkan pertelingkahan serta sentiasa memperbetulkan niat.

Di samping itu, katanya, jemaah juga disaran memperbanyakkan Sembahyang Sunat Taubat dan istighfar, berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan di samping reda dengan setiap ketentuan Allah Subhanahu Wata’ala.

Awang Haji Muskrisman Safari



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) serta Jabatan-jabatan di Bawahnya yang akan menunaikan fardu haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan atas kiri), manakala gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

turut menekankan agar jemaah memperbanyakkan doa dan ibadah serta tidak mensia-siakan waktu yang ada, agar ibadah haji yang dilaksanakan tidak menjadi sia-sia.

“Ketahuilah bahawa haji yang mabrur itu tiada balasan lain melainkan syurga,” ujarinya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada

16 pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan yang akan menunaikan fardu haji Tahun 1447H / 2026M, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.



# Doa Kesyukuran untuk bakal jemaah haji Kementerian Pendidikan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BERAKAS**, Sabtu, 25 April. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah dan Pusat Teknologi Pendidikan (EdTech) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat bagi meraikan seramai 89 bakal jemaah haji yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan termasuk tenaga pengajar daripada sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Majlis diadakan di Dewan

Utama, Kementerian Pendidikan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Nazir Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Khairul-Azri bin Haji Md. Kassim, disusuli dengan ceramah bertajuk 'Ahlan Wa Sahlan Duyuf Ar-Rahman', yang

**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan sumbangan kepada bakal jemaah haji.

disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada bakal-bakal jemaah haji yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.



## DOA SELAMAT MOHON KEBERKATAN, KESELAMATAN



**PESURUHJAYA** Polis, PPDB bersama Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat bagi Pegawai dan Anggota PPDB yang akan menunaikan fardu haji bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**GADONG**, Sabtu, 25 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI), pagi tadi mengadakan Majlis Doa Selamat bagi Pegawai dan Anggota PPDB yang akan menunaikan fardu haji bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi, bertempat di Surau Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; bersama Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong.

Turut berangkat, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Juga hadir, pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah dan pegawai-pegawai kanan, anggota-anggota pangkat rendah dan kakitangan PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO S/SGT 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta terjemahannya.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sagu hati oleh tetamu kehormat majlis kepada empat pegawai dan seorang anggota, yang akan menunaikan fardu haji bagi Tahun 1447H / 2026M.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, Doa Tolak Bala serta Selawat Tafriyyah.

Majlis berkenaan diadakan adalah sebagai tanda sokongan dan penghargaan kepada pegawai dan anggota yang akan menunaikan fardu haji, di samping memohon agar mereka dikurniakan kesihatan yang baik, dipermudahkan segala urusan serta memperoleh haji yang mabrur.

Diharapkan agar mereka kembali ke tanah air dengan selamat serta terus berkhidmat dengan penuh dedikasi kepada agama, bangsa dan negara.

## NBD, Republik Rakyat China memperkukuh kerjasama ekonomi, perdagangan dua hala

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China mengesahkan semula komitmen bersama untuk terus memperkukuh lagi kerjasama ekonomi dan perdagangan dua hala dalam Mesyuarat Rundingan Perdagangan, Pelaburan dan Kerjasama Ekonomi NBD - Republik Rakyat China Ke-6 mengenai Sixth Brunei Darussalam - People's Republic of China Consultation Meeting on Trade, Investment and Economic Cooperation (COMTIEC 6) yang diadakan pada 23 April lalu di Radisson Hotel.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi NBD, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin; serta Ahli Kumpulan Kepimpinan CPC Kementerian Perdagangan dan Naib Menteri Perdagangan Republik Rakyat China, Yan Dong.

Semasa mesyuarat berkenaan, kedua-dua pihak

meneliti dan bersetuju untuk meneruskan perkembangan positif kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang termasuk Inisiatif Jalur dan Laluan (Belt and Road Initiative), kerjasama industri perdagangan dan pelaburan, pertanian dan agromakanan, ekonomi digital dan inovasi, kesalinghubungan, pelancongan, serta sektor-sektor baharu lain yang berkepentingan bersama.

Kedua-dua belah pihak juga mengalu-alukan kemajuan rangka kerja dan projek dua hala utama termasuk Koridor Ekonomi Brunei-Guangxi, Muara Port Company dan Hengyi Industries.

Republik Rakyat China menyatakan komitmennya untuk terus menyokong usaha kepelbagaian ekonomi NBD, antaranya dengan menggalakkan pelaburan dari Republik Rakyat China dan membangunkan laluan ekonomi yang akan menyumbang kepada kedudukan kompetitif NBD sebagai hab logistik serantau.

Peluang untuk memperluas lagi kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan turut diketengahkan termasuk

akses yang lebih luas bagi produk premium dan khusus NBD ke pasaran Republik Rakyat China, penglibatan lebih kukuh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam pameran perdagangan seperti China ASEAN Expo dan China International Import Expo serta platform perniagaan Republik Rakyat China.

Mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa, kedua-dua belah pihak menegaskan semula kepentingan pasaran terbuka, integrasi serantau serta sistem perdagangan pelbagai hala yang berasaskan peraturan, telus dan tidak diskriminatif, dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia sebagai terasnya.

Mesyuarat berkenaan juga memberi peluang untuk bertukar pandangan mengenai kerjasama di bawah rangka kerja dan inisiatif serantau, termasuk hubungan ASEAN-China, Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (Regional Comprehensive Economic Partnership-RCEP), APEC, Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), serta kerjasama BIMP-EAGA-China.

Kedua-dua belah pihak menyatakan keyakinan bahawa mesyuarat berkenaan telah memberikan panduan berguna bagi fasa kerjasama dua hala yang seterusnya. Kedua-dua belah pihak turut mengambil maklum bahawa Mesyuarat Rundingan NBD - Republik Rakyat China Ke-7 mengenai perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi akan diadakan di Republik Rakyat China pada tarikh dan tempat yang akan dipersetujui bersama.

Turut hadir pada mesyuarat berkenaan ialah pegawai-pegawai kanan daripada kementerian - kementerian, jabatan dan agensi berkaitan di NBD, termasuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.



**SETIAUSAHA** Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi bergambar ramai pada Mesyuarat Rundingan Perdagangan, Pelaburan dan Kerjasama Ekonomi NBD - Republik Rakyat China Ke-6 mengenai Sixth Brunei Darussalam - People's Republic of China Consultation Meeting on Trade, Investment and Economic Cooperation (COMTIEC 6).

# MENDOAKAN KESEJAHTERAAN BAKAL JEMAAH HAJI MTIC



**YANG** Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai pada Majlis Doa Selamat bagi Bakal-bakal Jemaah Haji bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan atas kanan).

**BERAKAS**, Sabtu, 25 April. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) serta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Doa Selamat bagi Bakal-bakal Jemaah Haji bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh

Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali, yang antara lain menyentuh mengenai persediaan dalam menghadapi ibadah haji.

Acara seterusnya menyaksikan penyampaian sumbangan oleh tetamu kehormat majlis kepada 17 bakal jemaah haji sebagai tanda sokongan dan penghargaan warga kementerian.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar para bakal jemaah haji dikurniakan keselamatan, kesihatan yang berpanjangan serta dipermudahkan segala urusan sepanjang berada di Tanah Suci.

Penganjuran majlis berkenaan mencerminkan keprihatinan serta sokongan berterusan MTIC dan seluruh warganya dalam mendoakan kesejahteraan para bakal jemaah haji, di samping mengharap agar mereka dikurniakan ibadah haji yang mabrur serta selamat kembali ke tanah air dengan penuh keberkatan.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, Ketua Eksekutif Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC serta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

## Majlis eratkan silaturahim, pupuk semangat perpaduan



**MAJLIS** tersebut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Tutong. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Alishahrin Haji Mumin

**TUTONG**, Sabtu, 25 April. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjong Maya dan Lubok Pulau dengan kerjasama Takmir Masjid Tanjong Maya, Persatuan Kampung Tanjong Maya (PERTAMA) serta KO-PERTAMA akan menganjurkan Majlis Ramah Mesra sempena Hari Raya Aidilfitri dan menjelang Hari Raya Aidiladha.

Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri. Majlis malam ini diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Tanjong Maya, di sini, menghimpunkan penduduk kampung serta para jemputan dalam usaha mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat.

Penganjuran majlis berkenaan bertujuan untuk mengekalkan amalan ziarah dan silaturahim bukan sahaja pada Syawal, malah untuk diteruskan sepanjang tahun, memandangkan hubungan yang erat antara penduduk merupakan asas kepada keharmonian dan kesejahteraan komuniti.

Selain itu, majlis juga bertujuan untuk mengingatkan hadirin mengenai makna sebenar Sambutan Hari Raya Aidiladha yang bakal menjelang, khususnya dari segi nilai pengorbanan, keikhlasan dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, doa dipanjatkan agar jemaah haji dipermudahkan segala urusan serta dikurniakan haji yang mabrur. Pelbagai aktiviti turut diadakan bagi memeriahkan majlis, antaranya persembahan tausyeh, silat dan tarian budaya, nyanyian, cabutan bertuah serta pertandingan 'booth' yang melibatkan penyertaan aktif daripada wakil-wakil jalan kampung termasuk Jalan Tanjong Maya, Lubok Meranti, Jalan Kecil Sepakon, Jalan Bukit Nibong, Jalan Bangunggoss, Jalan Sebakit (Atas dan Bawah) serta Jalan Mandian Puteri.

Majlis juga diserikan dengan penglibatan Kumpulan Seni Warisan Silat dan Seri Budaya Tari yang menampilkan persembahan kebudayaan tradisional, sekali gus menyemarakkan usaha memelihara dan memartabatkan warisan budaya tempatan.

Dalam pada itu, masyarakat diseru untuk terus memainkan peranan aktif dalam pembangunan komuniti. Ditekankan bahawa tanpa usaha, penglibatan dan komitmen yang berterusan, sesebuah komuniti tidak akan mampu mencapai kemajuan yang diharapkan.

Majlis ini juga dijangka menjadi platform penting dalam menggalakkan penyertaan golongan belia serta memastikan warisan budaya seperti seni silat, tarian tradisional dan semangat kesukarelawanan terus dipelihara dan diwarisi oleh generasi akan datang, sekali gus mengukuhkan semangat kebersamaan komuniti ke arah pembangunan yang lebih mampan selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

## Program Eco-Trail : Lestarikan penghijauan alam sekitar



**PROGRAM** tersebut dirasmikan oleh Rektor UNISSA selaku tetamu kehormat majlis.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Pusat Pembangunan Strategik dan Kelestarian (CerDaS), dengan kerjasama Fakulti Pertanian, Pejabat Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (PKPP) serta Nadi Belia Lestari (NaBeL) telah

berjaya menganjurkan Program Eco-Trail di UNISSA Kampus Sinaut pada 23 April 2026.

Program ini merupakan sebahagian daripada beberapa acara yang diaturkan dalam Minggu Kelestarian UNISSA 2026 yang berlangsung bermula 20 hingga 25 April 2026 sempena

Sambutan Hari Bumi Sedunia 2026 yang bertemakan 'Kuasa Kita, Planet Kita' (Our Power, Our Planet).

Program tersebut telah dirasmikan oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat majlis. Kehadiran beliau mencerminkan komitmen pucuk pimpinan universiti dalam memupuk budaya kelestarian yang menyeluruh di peringkat institusi.

Program Eco-Trail ini telah disertai oleh kakitangan dan pelajar UNISSA. Sebanyak lima stesen cabaran telah disediakan yang merangkumi aktiviti-aktiviti yang mencabar fizikal dan mental para peserta.

Antara kemuncak program ini ialah aktiviti penanaman pokok sebanyak 30 anak pokok di sekitar Kampus Sinaut UNISSA. Inisiatif penghijauan kampus ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Pelan Induk Kelestarian UNISSA 2026-2030 yang berasaskan Maqasid Syariah yang antaranya bertujuan untuk memelihara kemaslahatan manusia (*hifz al-nafs*) dan mengelakkan kerosakan di muka

bumi.

Pelan Induk Kelestarian UNISSA 2026-2030 bukan sahaja mendukung usaha kelestarian di peringkat institusi, malah turut seiring dengan Pelan Pendidikan Hijau Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam 2025-2035.

Pelan tersebut meletakkan pendidikan kelestarian alam sekitar sebagai teras dalam pembangunan sistem pendidikan negara, bagi melahirkan generasi yang berwawasan, bertanggungjawab

dan peka terhadap cabaran perubahan iklim global.

Inisiatif seumpama ini akan terus dirancang dan dilaksanakan secara berterusan sebagai bukti komitmen UNISSA dalam melestarikan institusi dan pada masa yang sama, menjadikan Kampus Sinaut UNISSA sebagai hab pelancongan pendidikan (*edu-tourism*) serta menyokong usaha nasional dan global dalam menangani perubahan iklim demi masa depan yang lebih berdaya tahan.

# MEMPERKUKUH UKHUWAH SEJAGAT MELALUI PENGHARGAAN, PEMELIHARAAN WARISAN BUDAYA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada International Day 2026, bertempat di Dewan Auditorium, Kampus Gadong, UNISSA (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Antarabangsa (UHEA), Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2025/2026

telah menganjurkan International Day 2026, bertempat di Dewan Auditorium, Kampus Gadong, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji

Zainal.

Turut hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan termasuk mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Bertemakan 'Jejak Warisan Menyulam Kenangan', majlis berkenaan menampilkan keunikan serta keindahan kepelbagaian budaya sebagai jambatan yang menghubungkan persefahaman serta mengeratkan persaudaraan antara pelbagai bangsa dan negara.

Tema berkenaan turut mencerminkan komitmen UNISSA dalam memperkukuh ukhuwah sejagat melalui penghargaan dan pemeliharaan warisan budaya.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari Surah Ar-Rum ayat 17 hingga ayat 23 oleh Mhd Chukree A-wang, mahasiswa Tahun 3 Fakulti Usuluddin dari Thailand.

Acara diteruskan dengan tayangan video pameran yang bertajuk 'Hikmah Asatizah UNISSA Antarabangsa' dan dimeriahkan lagi dengan persembahan budaya oleh para pelajar antarabangsa.



Reruai-ruai yang menampilkan keunikan setiap negara juga menjadi tumpuan pada acara berkenaan.

Acara International Day 2026 menjadi platform yang bermakna

dalam mengeratkan silaturahim, meraikan kepelbagaian budaya serta menyemarakkan semangat kebersamaan antara warga UNISSA tempatan dan antarabangsa.

## Berkongsi amalan terbaik industri, meneroka peluang diversifikasi



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Dialog 'Pengendalian dan Pengurusan Stesen Minyak Koperasi'.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Unit Pembangunan Koperasi (UPK) di bawah Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) telah menganjurkan Sesi Dialog 'Pengendalian dan Pengurusan Stesen Minyak Koperasi' pada hari ini, bertempat di Dewan Teater, Bangunan MOFE.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), MOFE, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Bahagian IBE, MOFE, Awang Allen On yang antara lain menekankan bahawa pengukuhan koperasi perlu bermula dengan asas yang kukuh, termasuk mesyuarat yang teratur, akaun yang jelas, tadbir urus yang berkesan, pematuhan kepada peraturan serta disiplin pengurusan yang baik.

Jelasnya lagi, usaha berkenaan memerlukan kerjasama dua hala antara pihak kementerian dan koperasi sendiri bagi memastikan koperasi menjadi lebih tersusun,

diyakini dan berdaya tahan.

Penganjuran berkenaan merupakan salah satu inisiatif UPK dalam usaha berterusan untuk memperkukuh koperasi sejak UPK diserapkan ke MOFE pada 2019. Pendekatan yang diambil adalah lebih tersusun dan berfasa, bermula daripada pemeriksa pematuhan dan tadbir urus, diikuti dengan pengukuhan operasi, seterusnya ke arah membina daya tahan dan pertumbuhan koperasi secara lebih mampan.

Sesi dialog berkenaan diadakan bagi meningkatkan kefahaman koperasi-koperasi, khususnya yang mengendalikan stesen minyak, mengenai pematuhan kepada prosedur operasi standard, keperluan keselamatan, kesihatan, alam sekitar, tadbir urus, pengurusan risiko serta kelestarian perniagaan.

Sesi berkenaan juga menjadi platform untuk berkongsi amalan terbaik industri, memperkenalkan peluang pembiayaan serta membuka ruang kepada koperasi untuk meneroka peluang diversifikasi dan nilai tambah perniagaan.

Selain itu, pada sesi berkenaan

juga diadakan taklimat yang disampaikan oleh UPK, Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) dan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA).

Program turut disusuli dengan sesi soal jawab, yang memberi peluang kepada ahli-ahli koperasi untuk berkongsi pandangan, mengemukakan persoalan serta cabaran yang dihadapi, yang juga sangat berguna kepada UPK dalam memahami isu-isu sebenar di lapangan dan mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian.

Turut diadakan ialah pameran yang disertai oleh beberapa agensi dan pihak berkepentingan, bagi memberi peluang kepada koperasi untuk mendapatkan maklumat lanjut serta menimba pengetahuan berkaitan pengurusan dan aktiviti perniagaan.

MOFE melalui UPK akan terus melaksanakan lebih banyak sesi libat urus dan platform seumpama berkenaan dari semasa ke semasa bagi menggalakkan dialog, kerjasama serta usaha berterusan dalam memperkukuh gerakan koperasi di Negara Brunei Darussalam.

## Meningkatkan kemahiran membaca, menghayati Surah Al-Fatihah

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**MUKIM MENTIRI**, Sabtu, 25 April. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama beberapa Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid baru-baru ini menganjurkan Program Tadabbur Surah Al-Fatihah bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam Kali Ketiga sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Penganjuran program berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan KHEU untuk memperkukuh penghayatan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda.

Selain itu, ia juga selaras dengan inisiatif KHEU untuk memperkasa pendidikan Al-Quran, memupuk budaya membaca serta memahami isi kandungan Al-Quran, di samping menggalakkan pengimarah masjid sebagai pusat pembelajaran dan pembangunan ummah.

Program berkenaan bertujuan untuk memberikan pendedahan serta kefahaman yang lebih mendalam mengenai maksud dan penghayatan Surah Al-Fatihah dalam kehidupan seharian, khususnya sebagai amalan ketika memulakan majlis.

Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan peserta tentang kepentingan membaca, memahami dan mengamalkan ajaran Al-Quran, di samping mengeratkan silaturahim dalam kalangan jemaah dan masyarakat setempat.

Acara utama telah diadakan di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau dan turut dilaksanakan secara serentak di beberapa buah masjid terpilih di keempat-empat buah daerah.

Program *tadabbur* berkenaan telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Imarah, JHEM, KHEU, Awang Haji Fansuri Sharimi@Mansur bin Mohammad Ali.

Melalui penganjuran program seumpama berkenaan, diharapkan para peserta, khususnya kanak-kanak dalam Kelas Al-Quran dan Muqaddam, akan dapat meningkatkan kemahiran membaca serta menghayati Surah Al-Fatihah dengan betul, lancar dan penuh kefahaman.

Usaha berkenaan seterusnya menyokong matlamat KHEU dalam melahirkan masyarakat yang celik Al-Quran, berilmu, berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.



PROGRAM berkenaan bertujuan untuk memberikan pendedahan serta kefahaman yang lebih mendalam mengenai maksud dan penghayatan Surah Al-Fatihah dalam kehidupan seharian, khususnya sebagai amalan ketika memulakan majlis.

# USAHA MEMPERKASA GOLONGAN BELIA MUALAF



SEKITAR Majlis Perasmian Program Ikon Muallaf 2.0 iaitu bacaan ikrar yang diketuai oleh Awang Muhammad Asmat bin Lamat@Asmat anak Lamat.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**KAMPUNG PULAI**, Ahad, 26 April. - Sebagai usaha memperkasakan pembangunan modal insan dalam kalangan muallaf di Negara Brunei Darussalam (NBD), Program Ikon Muallaf 2.0 dirasmikan pagi tadi bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie. Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan program berkenaan ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman. Awang Haji Ahmad Abdussalam dalam ucapannya menjelaskan bahawa Program Ikon Muallaf 2.0 ini merupakan satu inisiatif yang

amat bermakna dalam usaha memperkasakan golongan belia muallaf, bukan sahaja dari sudut kefahaman agama, malah turut menonjolkan potensi, bakat dan sumbangan mereka kepada masyarakat.

Menurutnya, ia juga mencerminkan komitmen berterusan PDI dalam membimbing serta memperkukuhkan jati diri para muallaf agar terus istiqamah dalam menghayati ajaran Islam.

"Golongan muallaf memainkan peranan yang sangat penting dalam mencerminkan keindahan dan kesyukuran Islam. Kisah perjalanan mereka boleh menjadi inspirasi kepada masyarakat, menggambarkan bahawa hidayah itu adalah milik Allah dan boleh hadir kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya," ujarnya.

Oleh itu, katanya lagi, program seperti ini bukan sahaja memberi pengiktirafan kepada individu-individu yang cemerlang, malah turut menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim, berkongsi pengalaman serta menyemai semangat saling menyokong dalam kalangan komuniti muallaf.

Majlis perasmian dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah, Awang Muhammad

Firas bin Kalong@Ibrahim.

Acara diserikan dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Awang Muhammad Saiful Dafi bin Muhammad Suhaimi@Suanddy bin Suhaimi yang merupakan pemenang qari Musabaqah Murattal Al-Quran bagi Muallaf Senegara Tahun 2022 Masihi, berserta inti sari ayat yang dibacakan oleh Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah, Dayang Nurfashiah Amirah binti Abdullah Chua.

Kemuncak majlis menyaksikan tayangan video perasmian Ikon Muallaf 1447H / 2026M, diikuti dengan bacaan ikrar yang diketuai oleh Awang Muhammad Asmat bin Lamat@Asmat anak Lamat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah, Awang Muhammad Khairul Aiman Akmal@Yusoff Almahdi bin Haji Rusli bagi memohon keberkatan agar segala ilmu yang diperoleh sepanjang program empat bulan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Program ini merupakan kesinambungan daripada Program Ikon Muallaf yang dilaksanakan pada tahun 2024 dan edisi kali ini bertemakan 'Jalan Lima', yang memberi penekanan khusus kepada penghayatan Rukun Islam sebagai asas identiti Muslim yang mantap.

Menerusi program ini, Sesi Muallaf-Connect (M-Connect)



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman ketika berucap.

diperkenalkan sebagai platform rakan sebaya yang inklusif bagi menyalurkan sokongan rohani, mental dan emosi dalam kalangan belia muallaf.

Integrasi ini bertujuan untuk membentuk peserta menjadi *qudwah* (contoh teladan) dalam masyarakat melalui penghayatan kehidupan sebagai seorang Muslim, di samping untuk membentuk akhlak saling peduli dan menyokong sesama muallaf. Inisiatif ini selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk melahirkan generasi yang berilmu dan berakhlak mulia berfalsafahkan Melayu Islam Beraja (MIB).

## Vil-Laju! Brunei laksanakan Program Pantai Tani



SEKITAR Program Pantai Tani yang memfokuskan aktiviti pembersihan pantai yang diadakan di Pantai Perkelahan Lumut, Kampung Lumut (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BELAIT**, Ahad, 26 April. - Bersempena dengan Sambutan Hari Bumi 2026, Vil-Laju! Brunei telah melaksanakan aktiviti pembersihan pantai yang diadakan awal pagi tadi bertempat di Pantai Perkelahan Lumut, Kampung Lumut, di sini. Program tersebut dirasmikan oleh Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Khairon bin Haji Dahlan selaku tetamu kehormat majlis. Program yang dinamakan sebagai 'Pantai Tani' itu dimulakan dengan satu sesi taklimat ringkas berkaitan keselamatan, diikuti

dengan ucapan perasmian oleh tetamu kehormat dan seterusnya sesi pemanasan badan selama 10 minit.

Program berkenaan mempunyai dua aktiviti iaitu Pertandingan Mengumpul Sisa di mana pasukan bertanding untuk mengumpul sisa terbanyak, dengan fokus khusus kepada pengasingan botol plastik PET.

Peserta program yang terlibat dalam pengumpulan sisa mengikut zon yang ditetapkan, termasuk pengasingan botol PET bagi inisiatif kitar semula. Program diakhiri dengan sesi penimbangan sisa untuk pengumpulan data, penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Manakala 'Tales of Trash' (Kisah Sisa) dikendalikan sebagai aktiviti penceritaan interaktif di mana peserta mengongsikan latar belakang atau penemuan barangan unik yang ditemui semasa pembersihan. Aktiviti tersebut memupuk dialog tentang asal usul serpihan marin dan impak daripada penggunaan manusia kepada persekitaran.

Dalam pada itu, Pantai Tani menerima sokongan utama dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), mempamerkan komitmen terhadap kelestarian negara dan penjagaan alam sekitar.

Vil-Laju! Brunei pula merupakan sebuah organisasi yang berteraskan usaha memperkasakan komuniti serta mempertingkatkan kapasiti belia, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Antara inisiatif utama mereka ialah Ctrl+P, sebuah projek berasaskan ekonomi kitaran yang memberi tumpuan kepada pengumpulan dan pemprosesan

## Pendekatan berasaskan prinsip AI yang bertanggungjawab

Siaran Akhbar : Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 26 April. - Untuk membentuk masa depan digital yang inklusif bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), pembangunan sistem dan alat Kecerdasan Buatan (AI) yang bertanggungjawab dan beretika perlu diberi perhatian.

Sehubungan itu, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), dengan kerjasama Kumpulan Kerja Tadbir Urus dan Etika AI, telah menerbitkan edisi kedua 'Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan bagi NBD'.

Sebelum penerbitan edisi kedua panduan tersebut, Kertas Perundingan Awam (PCP) telah dikeluarkan pada November 2025, di mana maklum balas bernilai daripada wakil-wakil kerajaan, industri, akademik dan komuniti teknologi telah diambil kira dalam pembangunan akhir panduan yang dikemaskini.

Panduan ini kini merangkumi risiko AI Generatif serta contoh penggunaan tentang bagaimana organisasi di NBD telah melaksanakan pendekatan berasaskan prinsip bagi mengamalkan amalan AI yang bertanggungjawab.

Selain itu, AITI turut menerbitkan 'Panduan Penggunaan Bertanggungjawab AI Generatif', iaitu satu siri panduan yang direka untuk menggalakkan penggunaan teknologi AI secara bertanggungjawab dan berkesan oleh orang awam.

Panduan Siri 1 ini merangkumi teknik *prompting*, dengan menyediakan panduan umum tentang kaedah menulis arahan (*prompt*) yang jelas dan berkesan serta pertimbangan etika ketika menggunakan aplikasi AI Generatif.

Dengan pembangunan panduan-panduan ini, diharapkan lebih banyak organisasi akan mengamalkan pendekatan tersebut bagi merangsang inovasi serta menggalakkan penggunaan AI yang beretika dan bertanggungjawab.

Penerbitan panduan-panduan ini juga mencerminkan kemajuan berterusan dalam mewujudkan persekitaran digital yang selamat dan terjamin, seiring dengan usaha menuju masa depan digital yang mampan. Untuk maklumat lanjut, panduan-panduan ini boleh diakses di <https://aiti.gov.bn>.

botol plastik terpakai kepada filamen pencetakan 3D. Kejayaan program tersebut dirangsang lagi dengan perkongsian strategik dengan peneraju industri tempatan, di mana RAB Global Green berkhidmat sebagai penaja utama dalam menyediakan penghidratan yang mampan melalui Air Rainwater manakala

VFAST memastikan keselamatan semua peserta sebagai Rakan Pertolongan Cemas rasmi.

Melalui kejayaan Pantai Tani, Vil-Laju! Brunei tetap menegakkan SDG dengan menggabungkan kesedaran alam sekitar dengan praktikal, membuktikan bahawa sisa lokal boleh menjadi sumber bagi inovasi negara.



# AJK TAKMIR MERUPAKAN PENGGERAK UTAMA MASJID

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



**PEMANGKU** Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir pada Majlis Penyampaian Surat Lantikan AJK Takmir Masjid Rashidah Sa'adatol Bolkiah, Kampung Sungai Akar bagi Sesi 2026 hingga 2027 serta Majlis Penghargaan kepada Pegawai Perantis Skim Perantisan Perkhidmatan Awam.

**SUNGGAI AKAR**, Sabtu, 25 April. - Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir bukan sekadar nama di atas kertas. Ia adalah pengiktirafan atas kebolehan dan lebih besar lagi, ia adalah suatu amanah.

Maka amanah sebagai AJK Takmir ini wajib kita laksanakan dengan penuh ikhlas, jujur dan berintegriti.

Demikian antara yang ditekankan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid,

Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri pada Majlis Penyampaian Surat Lantikan AJK Takmir Masjid Rashidah Sa'adatol Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar bagi Sesi 2026 hingga 2027 serta Majlis Penghargaan kepada Pegawai Perantis Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA) yang berlangsung di masjid berkenaan baru-baru ini.

Menurut Awang Haji Amir Hisham, selaku AJK Takmir Masjid, *abiskitalah* penggerak

utama masjid. Tenaga, idea dan masa yang *abiskita* curahkan akan menentukan lancar atau tidaknya setiap program yang dirancang.

Dan ini juga tambahannya, adalah selaras dengan misi Jabatan Hal Ehwal Masjid, iaitu untuk menjadikan masjid sebagai pusat peribadatan, keilmuan dan kemasyarakatan.

"Oleh yang demikian, semangat bersatu padu dan kerjasama serta persepahaman dalam kalangan AJK dan pegawai-pegawai masjid khususnya amatlah penting dalam sama-sama merancang dan melaksanakan satu-satu aktiviti takmir masjid.

"Di samping itu juga rancangan tahunan takmir masjid yang dirancang itu hendaklah bersesuaian dan dapat menarik minat semua lapisan masyarakat seperti kanak-kanak, belia dan beliawanis, dewasa, Muslimah dan warga emas," tegasnya.

Terdahulu, Awang Haji Amir Hisham menzahirkan penghargaan tahniah dan syabas atas pelantikan AJK takmir dan dengan doa dan harapan semoga *abiskita* semua dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen dan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua di samping dengan niat yang baik bagi mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengimarah dan memakmurkan rumah Allah.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan diteruskan dengan

penyampaian surat lantikan oleh Awang Haji Amir Hisham kepada AJK Takmir Masjid Sesi 2026 hingga 2027, diikuti dengan penyampaian cenderamata penghargaan kepada Pegawai SKIPPA yang diraikan sebagai simbol penghormatan atas jasa dan sumbangan mereka.

Turut hadir, Penaung- penaung Bersama MRSB, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Adapun majlis sedemikian

menjadi satu platform penting dalam memperkukuh struktur organisasi masjid melalui pelantikan AJK takmir yang baharu, di samping menghargai jasa dan sumbangan para pegawai perantis yang telah menabur bakti.

Penganjuran majlis seumpama berkenaan diharap dapat mempererat lagi silaturahmi dalam kalangan jawatankuasa masjid, pegawai masjid serta masyarakat setempat, di samping menyemarakkan lagi usaha pengimarah masjid secara berterusan dan berkesan.

## Usaha menyantuni, membantu warga PGGMB

Siaran Akhbar dan Foto :  
Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Dalam usaha menyantuni dan membantu warga Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) agar kebajikan dan kesejahteraan ahli-ahlinya sentiasa terjaga dan disantuni dengan sewajarnya, PGGMB baru-baru ini mengadakan Majlis Penyerahan Derma Kebajikan kepada ahli-ahlinya bertempat di Ibu Pejabat PGGMB di Jalan Kianggeh.

Majlis berkenaan dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Badan Agama PGGMB dan Ahli Jawatankuasa Kebajikan PGGMB.

Seramai 13 Ahli PGGMB menerima bantuan kebajikan berkenaan. Mereka terdiri daripada ahli yang kehilangan keluarga serta ahli yang meninggal dunia; anak-anak ahli yang berkahwin dan ahli yang baru berkahwin serta Ahli-ahli PGGMB yang akan menunaikan fardu haji pada musim ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma berkenaan, Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri.

Hadir sama, Timbalan Yang Dipertua PGGMB, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohammad; Pemangku Pengarah Badan Kebajikan PGGMB, Dayang Hajah Sarimah binti Haji Mina; Pengarah Badan Agama PGGMB, Awang Haji Khalidon bin Haji Mohd. Salleh, Jawatankuasa Tertinggi (JKT) PGGMB, Ahli-ahli PGGMB, para penerima bantuan Kebajikan dan kakitangan Ibu Pejabat PGGMB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, tahlil, Doa Arwah, Doa Selamat dan Doa Khas menunaikan fardu haji bagi bakal jemaah haji PGGMB pada tahun ini.



**MAJLIS** Penyerahan Derma Kebajikan kepada ahli-ahlinya bertempat di Ibu Pejabat PGGMB di Jalan Kianggeh.

## Memperkukuh penghayatan MIB sebagai teras jati diri NBD



**MELALUI** program seperti Dandam MIB 2026, UTB terus memperkukuh hubungan dengan masyarakat di samping memelihara dan mempromosi nilai-nilai yang menjadi tunjang kepada identiti NBD.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**TUNGKU LINK**, Sabtu, 25 April. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Universiti Teknologi Brunei (UTB), Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran (CCTL) telah menganjurkan Pameran Dandam Melayu Islam Beraja (MIB) 2026 sebagai usaha memperkukuh lagi penghayatan falsafah kebangsaan MIB sebagai teras jati diri Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pameran yang berlangsung di Dewan Serbaguna, UTB berkenaan menghimpunkan para pelajar, tenaga pengajar serta orang ramai menerusi satu platform yang menonjolkan kekayaan warisan budaya, nilai dan tradisi negara.

Acara berkenaan turut menjadi

wadah bermakna bagi para pelajar untuk menzahirkan pemahaman mereka mengenai MIB secara kreatif melalui pameran yang interaktif dan tersusun.

Pelbagai ruai pameran yang dikendalikan oleh pelajar UTB dipersembahkan, masing-masing mengetengahkan aspek berbeza budaya NBD termasuk amalan tradisi, adat resam serta nilai kemasyarakatan.

Para pengunjung juga berpeluang menyertai aktiviti interaktif dan demonstrasi secara langsung yang memberikan pengalaman pembelajaran secara langsung, sekali gus meningkatkan penghargaan terhadap identiti budaya negara.

Penganjuran pameran

berkenaan adalah sebagai sebahagian daripada Sambutan Ulang Tahun UTB yang mencerminkan peranan berterusan universiti berkenaan bukan sahaja dalam memperkasa kecemerlangan akademik, malah dalam memupuk kesedaran kebangsaan yang kukuh dalam kalangan pelajarannya.

Penerapan nilai-nilai MIB dalam inisiatif seumpama berkenaan turut menyerlahkan lagi pendekatan pendidikan holistik UTB dalam melahirkan graduan yang berilmu, berjati diri serta bertanggungjawab kepada masyarakat.

Melalui program seperti Dandam MIB 2026, UTB terus memperkukuh hubungan dengan masyarakat di samping memelihara dan mempromosi nilai-nilai yang menjadi tunjang kepada identiti NBD.


 كمنترين كسبختن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan **kanser kolorektal**, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)



\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA  
Selamatkan Usus Awda



# LIFESAVER 995 COMMUNITY CHALLENGE PERKASA PERANAN 'FIRST RESPONDER'



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Shahrin bin Haji Mohammad Jawie hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, antara pasukan yang menyertai pertandingan.

**BERAKAS**, Sabtu, 25 April. – Pasukan Panaga Bravo dan Kawasan 2 Lambak berjaya mara ke peringkat akhir dan akan bertanding bagi merebut gelaran juara Lifesaver 995 Community Challenge bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-66 Tahun yang akan diadakan pada 7 Mei ini nanti.

Pertandingan yang diadakan di Padang dan Balapan, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Berakas, di sini, menyaksikan sebanyak enam pasukan yang terdiri daripada wakil Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait telah

menyahut cabaran bagi menguji tahap kesiapsiagaan komuniti sebagai *first responder* selepas mengikuti Kursus Lifesaver 995.

Para penyertaan berkumpul dari Daerah Brunei dan Muara iaitu Kumpulan Wira Rimba – Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba (Mukim Gadong 'A'), Kumpulan Kawasan 2 Lambak Kanan – Kampung Kawasan 2 Lambak Kanan (Mukim Berakas 'B'), Kumpulan Setia Wangsa – Kampung Setia (Mukim Zon 2 Kampong Ayer) dan Kumpulan Noracon Kampung Tamoi – Kampung Tamoi Ujung (Mukim

Tamoi).

Sementara dari Daerah Belait pula diwakili oleh Kumpulan Panaga Bravo dari Kampung Panaga (Mukim Seria) dan Kumpulan Kamai Blaze – Kampung Kiudang (Mukim Kiudang) mewakili bagi Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan anjuran JBP buat julung kalinya itu ialah Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Shahrin bin Haji Mohammad Jawie.

JBP Negara Brunei Darussalam pada julung kalinya telah menganjurkan Lifesaver 995 Community Challenge sempena

Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Ke-66 Tahun yang berlangsung di Padang dan Balapan, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Berakas.

Turut hadir, penolong-penolong pengarah, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, pegawai pemerintah cawangan operasi serta ketua-ketua bahagian JBP serta masyarakat kampung yang ikut bertanding.

Aktiviti sampingan turut diadakan bagi memeriahkan acara, termasuk perkhidmatan *food truck* yang ditempatkan di Kawasan Letak Kereta JBP dengan menawarkan pelbagai pilihan makanan kepada pengunjung yang datang.

Adapun pertandingan itu menampilkan empat halangan utama yang direka sebagai simulasi situasi kebakaran rumah, iaitu menyelamatkan dan membawa mangsa menggunakan teknik 'blanket carry' mengikut prosedur yang telah dipelajari; membawa dua gulung hos ke lokasi kejadian; mengurak satu gulung hos berdiameter 64mm sepanjang 30 meter dengan teknik yang betul dan memadam kebakaran menggunakan alat pemadam api jenis 'dry powder'.

Kesemua halangan itu bertujuan menilai kecekapan peserta dalam aspek penyelamatan mangsa, pengendalian peralatan kebombaanan serta tindakan pemadaman awal secara selamat dan berkesan.

Penganjuran pertandingan tersebut adalah selaras dengan usaha JBP dalam memperkasa peranan komuniti sebagai barisan hadapan dalam menghadapi kecemasan, khususnya sebelum ketibaan anggota bomba di lokasi kejadian. Selain itu, ia juga menjadi platform untuk mengukuhkan kemahiran praktikal, disiplin serta semangat kerjasama dalam kalangan peserta.

Melalui inisiatif berkenaan diharapkan lebih ramai ahli komuniti akan tampil untuk mengikuti Kursus Lifesaver 995 dan seterusnya memainkan peranan aktif dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

## Sekolah Arab Belait anjur Sambutan Hari Buku Sedunia

Oleh : Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 25 April. - Sambutan Hari Buku Sedunia yang dianjurkan oleh UNESCO disambut dan diraikan pada setiap 23 April, sebagai usaha berterusan bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat dunia.

Dengan penyertaan lebih daripada 100 buah negara di seluruh dunia, sambutan tersebut juga bertujuan menggalakkan kanak-kanak meneroka serta menghayati keseronokan membaca buku.

Sehubungan itu, bagi sama-sama menyemarakkan sambutan berkenaan, Sekolah Arab Belait, pagi tadi, mengadakan Sambutan Hari Buku Sedunia bertempat di surau sekolah berkenaan.

Seiring dengan tema yang dipilih iaitu 'Warisan Kitani Di Dalam Lembaran Kitab', acara bertujuan

**SEKOLAH** Arab Belait semasa mengadakan Sambutan Hari Buku Sedunia bertempat di surau sekolah berkenaan (kanan dan bawah).

memupuk budaya membaca buku berbahasa Arab dalam kalangan pelajar, seterusnya menambah ilmu pengetahuan, di samping mencungkil bakat pelajar dalam berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Atur cara turut diisikan dengan Pertandingan Mari Bercerita Dalam Bahasa Arab, Pertandingan Mengeja, Pakaian Terbaik dan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang disampaikan oleh Guru Besar sekolah, Pengiran Hajah Masniah@Noramalina binti Pengiran Hussin.





# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kemudahan Awam'. Tarikh Tutup : 29 April 2026
2. 'Nilai Masa Dalam Membentuk Kejayaan Individu'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2026
3. 'Peranan Pengguna Jalan Raya dalam Mengurangkan Kemalangan'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2026

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# MEMPERKUKUH LITERASI DATA, MENGGALAKKAN PENGGUNAAN DATA BERKESAN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



SEKITAR Data Mining Experience Bootcamp 2026 yang diadakan selama dua hari bermula 22 hingga 23 April 2026 (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Persatuan Pelajar Teknologi dari Fakulti Teknologi Islam baru-baru ini menganjurkan Data Mining Experience Bootcamp 2026 yang diadakan selama dua hari bermula 22 hingga 23 April 2026 bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Bootcamp yang bertemakan 'Centralizing Research Data for Smarter Analysis' menyediakan

platform untuk memperkukuh literasi data dan menggalakkan penggunaan data yang berkesan dalam aktiviti penyelidikan. Program ini dihadiri oleh tenaga akademik dan mahasiswa serta mahasiswi fakulti tersebut.

Majlis dirasmikan oleh Dekan Fakulti Teknologi Islam, Profesor Dr. Awang Haji Abdul Hafidz bin Haji Omar.

Antara pengisian penting ialah taklimat mengenai Perintah Perlindungan Data Peribadi (PDPO)

oleh Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI). Sesi taklimat berkenaan membincangkan tentang cara menangani lanskap ancaman digital yang terus berkembang dan menyediakan ekosistem perlindungan data peribadi dalam dunia digital.

Peserta juga didedahkan mengenai pengumpulan data kesihatan peribadi yang menggunakan pendekatan praktikal dalam perlombongan data melalui sesi interaktif yang memfokuskan pada aliran kerja visual. Taklimat ini disampaikan oleh wakil daripada Health Innovation Lab, Kementerian Kesihatan.

Manakala antara pengisian pada hari kedua kem latihan tersebut ialah bengkel praktikal penggunaan data sensor IoT oleh tenaga akademik Fakulti Teknologi Islam dan pembentangan trend keselamatan siber terkini yang disampaikan oleh Persatuan Keselamatan Siber Brunei (BCSA) 'Securing Research Data'. Program ini diteruskan dengan pembentangan pelajar dan diakhiri dengan sesi penilaian dan majlis penutup.

Bootcamp ini berjaya mencapai objektifnya untuk membangunkan



satu data *pool* yang berpusat dalam satu sistem penyimpanan (system park) di bawah Sistem Pengurusan Fakulti Teknologi Islam (FIT) bagi memudahkan pengumpulan, pengurusan, perkongsian dan analisis data

secara lebih bersepadu dan bersepadu.

Inisiatif ini menggariskan komitmen berterusan UNISSA untuk memajukan kecekapan digital dan memupuk inovasi bagi menyokong Wawasan Brunei 2035.

## Memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar

Siaran Akhbar dan Foto : Agrodynamics Antarabangsa



PROGRAM Earth Day 2026 anjuran Sekolah DES dengan kerjasama Agrodynamics Antarabangsa diadakan pada 22 April 2026 yang lalu bertempat di Sekolah DES (atas dan bawah).

**SERUSOP**, Sabtu, 25 April. - Program Earth Day 2026 anjuran Sekolah DES dengan kerjasama Agrodynamics Antarabangsa telah berjaya diadakan pada 22 April 2026 yang lalu bertempat di Sekolah DES. Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar serta menggalakkan amalan lestari sejak usia muda.

Antara pengisian utama program ini ialah sesi pendedahan kepada pelajar sekolah rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) mengenai penggunaan baja cecair mesra alam DynamicsGrow yang selamat digunakan.

Melalui inisiatif ini, para pelajar telah didedahkan kepada kepentingan pertanian lestari serta kaedah berkebun yang mesra alam. Demonstrasi penggunaan

baja cecair yang selamat dan tidak berbahaya membantu pelajar memahami bahawa aktiviti berkebun boleh dilakukan dengan selamat serta memberi manfaat kepada kesihatan dan alam sekitar.

Program ini juga berjaya menarik minat pelajar terhadap aktiviti berkebun melalui pendekatan pembelajaran secara praktikal dan interaktif. Pendedahan awal seperti ini memainkan peranan penting dalam membentuk amalan yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta menggalakkan gaya hidup hijau dalam kalangan generasi muda.

Kerjasama antara Sekolah DES dan Agrodynamics Antarabangsa mencerminkan komitmen bersama dalam menyokong kelestarian alam sekitar, penglibatan komuniti serta pembangunan pendidikan.

Secara keseluruhannya, program ini telah menerima sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan aktif daripada pelajar dan tenaga pengajar, menjadikannya satu Sambutan Earth Day yang bermakna dan berimpak tinggi.



## Bersama bantu meningkatkan bekalan darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Ahad, 26 April 2026, jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi, bertempat di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) anjuran Persatuan India Bandar Seri Begawan.

Manakala pada Isnin, 27 April 2026, jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di GAC Motor Showroom, Sumbangsih Bahagia, Tapak Perindustrian Beribi; dan pada Selasa, 28 April 2026, jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Atrium, Tingkat Bawah, OneCity Shopping Centre, Jalan Utama Salambigar anjuran Kementerian Pendidikan.

Sementara pada Khamis, 30 April 2026, jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang bertempat di Lecture Theatre, The Core, Universiti Brunei Darussalam; dan pada Sabtu, 2 Mei 2026, jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Perpustakaan, Sekolah Menengah Rimba.

Oleh itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di RIPAS untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

## LUPA TOKEN PSCR 2.0?



### CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenal
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenal


**JABATAN AUDIT  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran :**  
AUD / BPK / UTM / Q&T /  
2026-2027 / 02

Pembekalan Toner Dan Drum  
Bagi Mesin Pencetak Brother  
HL-L2370DN Dan Brother  
HL-L2385DW

**Mesin Pencetak :**  
Brother HL-L2370DN Dan Brother  
HL-L2385DW

**Keterangan Pembekal  
dan Unit Diperlukan:**  
Toner

**Toner :**  
Black Extra High Yield 8.5K Pages  
78C3XKO : 8 pcs  
Yellow Extra High Yield  
78C3XY0 : 7 pcs  
Magenta Extra High Yield 5K  
Pages 78C3XM0 : 7 pcs  
Cyan Extra High Yield 5K Pages  
78C3XC0 : 7 pcs

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa  
12 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga:**  
03 / ASSET.MFA / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**  
Requotation: Term Contract For  
General Cleaning And Ground  
Maintenance Services At The  
Secretariat Office Jalan Perayaan  
For A Period Of Twelve (12)  
Months

**Bayaran Sebut Harga:**  
BND5.00  
(tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
6 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**  
AUD / BPK / UTM / Q&T /  
2026-2027 / 01

Pembekalan Toner Dan Drum  
Bagi Mesin Pencetak Lexmark  
CS622DE  
Jabatan Audit, Bangunan Bahirah,  
Jalan Dewan Majlis,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam

**Mesin Pencetak:**  
Lexmark CS622DE

**Keterangan Pembekal:**  
Toner

**Parts Number:**  
Black Extra High Yield 8.5K Pages  
78C3XKO

**Unit Diperlukan:**  
8

**Parts Number:**  
Yellow Extra High Yield 78C3XY0

**Unit Diperlukan:**  
7

**Parts Number:**  
Magenta Extra High Yield 5K  
Pages 78C3XM0

**Unit Diperlukan:**  
7

**Parts Number:**  
Cyan Extra High Yield 5K Pages  
78C3XC0

**Unit Diperlukan:**  
7

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 12 Mei 2026,  
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KAJIUCUA  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tawaran adalah dipelawa bagi:**  
1. Two (2) Years Term Contract  
For Cleaning The Headquarter  
Building Of Brunei Darussalam  
Meteorological Department  
2. Two (2) Years Term Contract  
For Cleaning The  
Meteorological Station Of  
Brunei Darussalam  
Meteorological Department

Tawaran hendaklah dihantar  
dalam sampul surat yang ditutup  
rapi tanpa menunjukkan identiti  
atau logo penender, ditulis  
dengan:

**Sebut Harga bagi Perkhidmatan  
/ Pembekalan:**

**Two (2) Years Term Contract For  
Cleaning The Headquarter  
Building Of Brunei Darussalam  
Meteorological Department**

**Sebut Harga bagi Perkhidmatan  
/ Pembekalan:**

**Two (2) Years Term Contract For  
Cleaning The Meteorological  
Station Of Brunei Darussalam  
Meteorological Department**

**Bilangan dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
JKBD / 2026 / SH-01

**Hari / Tarikh / Waktu Tutup:**  
Rabu,  
6 Mei 2026  
sebelum jam 9.00 Pagi

**Kepada;**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Kajiucua Brunei  
Darussalam  
Tingkat 1, Blok B23, Flat  
Anggerek Desa,  
Simpang 32-37,



Kampong Anggerek Desa,  
Mukim Berakas,  
BB3713  
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN KAJIUCUA  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Tawaran Bagi**

**"The ISO 9001:2015  
Recertification To Quality  
Management System For Brunei  
Darussalam Meteorological  
Department For The Provision  
Of Meteorological Services"**

**Bilangan Tawaran:**  
JKBD / 2026 / SH-05

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 20 Mei 2026  
Jam 9.00 Pagi

**Kepada:**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Kajiucua  
Brunei Darussalam  
Aras Permukaan, Blok B23  
Flat Anggerek Desa,  
Simpang 32-37  
Kampong Anggerek Desa,  
BB3713  
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong  
- Pemborong Yang Berdaftar Di  
Dalam**

**Kelas:**  
V & VI Sahaja

**Kategori:**  
KA01

**Tarikh Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
8 April 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa  
28 April 2026  
Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa  
5 Mei 2026  
Jam 2.00  
Petang


**DEWAN BAHASA  
DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Nama Dokumen  
Sebut Harga:**  
01 / DBP / SH / 2026-2027  
Mencetak Buku Terbitan Dewan  
Bahasa Dan Pustaka Kementerian  
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Harga Borang Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan dan Nama Dokumen  
Sebut Harga:**  
02 / DBP / SH / 2026-2027  
Penyediaan Dan Pemasangan  
Papan Iklan Kain Rentang Dan  
Gegantung (Vertical Banner)  
Pesta Buku Brunei 2026

**Harga Borang Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan dan Nama Dokumen  
Sebut Harga:**  
03 / DBP / SH / 2026-2027  
Penyediaan Dan Pemasangan  
Reruai, Kelengkapan Dan  
Keperluan Pesta Buku Brunei  
2026

**Harga Borang Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan dan Nama Dokumen  
Sebut Harga:**  
04 / DBP / SH / 2026-2027  
Khidmat Pengawal Keselamatan  
Pesta Buku Brunei 2026

**Harga Borang Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Selasa,  
5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Makluman Iklan Lanjutan**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / DIS / 009 / 2026

**Tajuk:**  
Provision Of Manpower For Low  
Voltage Remedial Works In Tutong  
District For Three (3) Years

**Tarikh Tutup:**  
Selasa  
5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Kelayakan:**  
Mempunyai pendaftaran syarikat  
dengan Kementerian  
Pembangunan dalam Kelas 3, 4  
Atau 5, dalam Kategori E02 & E03  
dan mempunyai pekerja yang  
berdaftar dengan JPE dalam  
kategori E02 dan E03.

**Makluman Iklan Lanjutan**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PSP / 110 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Consultancy Services For  
Transmission Infrastructure  
Upgrade (66KV to 132KV) From  
Seria Substation To Panaga  
Substation

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Kelayakan:**  
Konsultan Jurutera Mekanikal  
Atau Jurutera Awam Yang  
Berdaftar Dengan Kementerian  
Pembangunan (BAPEQS)

Dokumen-dokumen tawaran dan  
penerangan lanjut bolehlah  
diperoleh dari **Bahagian kaunter  
Unit Tawaran dan Sebut harga,  
Tingkat Empat, Jabatan  
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan  
Perdana Menteri.**





**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga :**  
3 / QTN / JPK / 2026  
Urgent Supply & Replace With New Incline Exhaust Fan (At 1st Floor, Dental Section) At Berakas Health Centre

**Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga :**  
4 / QTN / JPK / 2026  
Waterproofing Works, External Painting Works And Roofing Works At PAPHMWHB Gadong Health Centre

**Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga :**  
(31) PSD / QTN / 2026 – (Pentadbiran)  
Pembekalan Sembilan (9) Unit Rak Untuk Penyimpanan Master Payroll

**Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga :**  
(32) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)  
Request To Purchase 100,000 Pieces Of 5-ml Oral Syringes For Pharmacies Under Department Of Pharmaceutical Services

**Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga :**  
(33) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)  
Request To Purchase 20 Units Of 4-Compartment Locker For Pharmacies Under Department Of Pharmaceutical Services

**Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga :**  
1 / QTN / JPK / 2026  
Supply And Delivery Of Two Hundred (200) Units Of Single Use Universal Spo2 Sensor For Department Of Health Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga :**  
2 / QTN / JPK / 2026  
Supply And Delivery Of One Hundred (100) Units Of Reusable Universal Paediatric SPO2 Sensor For Department Of Health Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Keterangan Sebut Harga :**  
5 / QTN / JPK / 2026  
Supply And Install Exterior Grade Wooden Venetian Blind For Waiting Area At Telisai Health Centre, Ministry Of Health

**Yuran Sebut Harga:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Sabtu  
9 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran :**  
05 / DBP / SH / 2026-2027  
Tawaran Kenderaan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Sebanyak 3 Buah Bagi Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Bagi Tempoh Lima (5) Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa  
5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKAMAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0002 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Uninterrupted Power Supply (UPS) Complete With Battery And Battery Cabinet For PCR Laboratory Of Aquatic Animal Health Laboratory Services Centre, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0003 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Real-Time Polymerase Chain Reaction (PCR) System For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
7 Mei 2026



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**  
05 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)  
Sebut Harga Bagi Landscape Improvement To Brunei Museum, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis  
18 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**  
04 / JMM / S / 12 / 91 (2026/2027)  
Penyewaan Dan Operasi Kedai Cenderamata Muzium Brunei, Bagi Tempoh 5 Tahun, Aras Bawah Muzium Brunei, Kampong Kota Batu

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis  
11 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Makluman Iklan Lanjutan**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PSP / 100 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Design And Engineering Services For The Proposed Upgrade Of Existing 66kv Substation To 132kv-Rated Substation At Muara, Brunei-Muara District And At Setia Diraja, Belait District

**Tarikh Tutup:**  
Selasa  
5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Makluman Iklan Lanjutan**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PSP / 003 / 2026

**Tajuk Tawaran :**  
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of 25/30 MVA ONAN/ONAF 132/66/11kv Power Transformer At Muara Substation

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 08  
Repair And Repainting Works To VVIP Grandstand (Wing A And Wing B)  
And VVIP Toilet Block At Jalan Pengiran Ahmad Tutong, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 09  
Dewan Seri Kenangan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong Parquet Flooring Varnish Painting

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Isnin  
11 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 10  
Painting Works Of Dewan Utama Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 11  
To Supply And Installation Of G25 Concrete On The Existing Road Fillage At Pasar Malam Seri Kenangan Tutong

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Isnin  
11 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang




**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran:**  
KKBS / OBBD / F-003  
(01-2026)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Term Contract (2 Years)  
For Cleaning  
(Building And Compound) And  
Grass Cutting For Outward  
Bound Brunei Darussalam  
(OBBD)  
At Batang Duri And  
Belalong Camp,  
Temburong District

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga :**  
Khamis,  
30 April 2026  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan  
Tajuk Sebut Harga:**  
KKBS / OBBD / F-003  
(02-2026)  
Kontrak Penggal  
Satu (1) Tahun (2026-2027)  
Bagi Pembekalan Makan / Minum  
(Dry Ration) Untuk Pegawai  
Dan Kakitangan Outward Bound  
Brunei Darussalam  
(OBBD),  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
Khamis  
14 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 /  
GCAU / TL / TA / 8012  
Permohonan Pembelian Boot  
DMS Black Bagi Kegunaan  
Anggota-Anggota Tentera  
Laut Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**  
BND 10.00  
(**Non-Refundable**)

Tarikh terakhir bagi  
pembelian Borang Tawaran  
adalah satu (1) minggu  
sebelum tarikh tutup tawaran,  
iaitu **Selasa,  
5 Mei 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa  
12 Mei 2026.



**Rujukan Bilangan Dan  
Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU /  
DEPOH / TA / 8016  
Pembelian Alat Kelengkapan  
Pecah Belah Bagi Kegunaan  
VVIP Semasa Acara-Acara  
Rasmi Angkatan Bersenjata  
Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran  
Dilanjutkan Sehingga:**  
Selasa  
5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang


**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**
**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Dan  
Tajuk Tawaran:**  
03 / JMM / S / 12 / 91  
(2026 / 2027)

Tawaran Bagi Membekalkan  
Perkhidmatan Kawalan  
Keselamatan Tempoh Tiga Puluh  
Enam (36) Bulan Bagi Bangunan  
Muzium Teknologi Melayu Dan  
Muzium Maritim Brunei  
Darussalam Termasuk Bangunan  
Arkeologi & Pemuliharaan Dan  
Gedung Stor Simpan Muzium,  
Kota Batu,  
Jabatan Muzium-Muzium,  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa  
5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
MFA / PENT / 02 / 2026  
Membekal Dan Menghantar  
(1) Satu Unit Kenderaan Baharu  
SUV With Two-Wheel Drive  
(2WD) Untuk Kementerian Hal  
Ehwal Luar Negeri

**Tarikh Tutup Tawaran  
Dilanjutkan Sehingga:**  
Selasa, 5 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN**

**1. JPH / 003 / TAW / 406 /  
2026 - 2027**

Memelihara Canopy Walkway Dan  
Jambatan Gantung Keruing Di  
Taman Negara Ulu Temburong

**Borang Pendaftaran Syarikat  
(Jika belum berdaftar):**  
BND10.00

**Borang Tawaran:**  
BND15.00 [Tidak Dikembalikan]

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00 [Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli  
Dokumen:**  
30 April 2026 (Khamis), 9.00 Pagi

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
5 Mei 2026 (Selasa)

**2. JPH / 003 / SH / 2571 /  
2026 - 2027**  
Kontrak Pembuangan Sampah  
Di Taman Rekreasi Hutan  
Bukit Shahbandar

**Borang Pendaftaran Syarikat  
(Jika belum berdaftar):**  
BND10.00

**Borang Sebut Harga:**  
BND5.00 [Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli  
Dokumen:**  
Sabtu  
9.00 Pagi, 2 Mei 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis  
7 Mei 2026


**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**
**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan  
Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 01 / 26 - 27  
Unit Drama TV: Perkhidmatan  
Penggambaran Dan Penyuntingan  
Drama Bersiri  
(13 EP X 30 Mins) Dan  
Episode Hari Raya Aidilfitri  
(60 Min X 2 EP)

**Bilangan dan  
Tajuk Sebut Harga :**  
RTB / K / 03 / 26 - 27  
Unit Drama TV: Perkhidmatan  
Penggambaraan Dan  
Penyuntingan Drama One-Off  
Sepanjang Tahun 2026

**Bayaran Yuran:**  
(termasuk e-dokumen)  
BND5.00  
(tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas :**  
(Hardcopy)  
BND5.00  
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
29 April 2026,  
jam 2.00 Petang


**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan  
Tajuk Sebut Harga :**  
RTB / K / 06 / 26-27  
Supply, Deliver, Install &  
Commissioning Of 30KVA  
Uninterrupted Power Supply  
(UPS) For POC-A Systems At  
Radio Television Brunei  
Broadcasting Complex  
Sungai Akar

**Bayaran Yuran :**  
BND5.00  
(tidak dikembalikan)  
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas :**  
BND5.00  
(jika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
29 April 2026,  
jam 2.00 Petang


**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan  
Tajuk Sebut Harga :**  
RTB / K / 09 / 26-27  
Ceiling Replacement Works At  
Main Building, Radio Television  
Brunei Broadcasting Complex  
Sungai Akar

**Bayaran Yuran :**  
BND5.00  
(tidak dikembalikan)  
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas :**  
BND5.00  
(jika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)


**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
29 April 2026,  
jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan  
Tajuk Sebut Harga :**  
MTIC\_SH02-2026 / 2027  
Sebut Harga Bagi Pembelian  
Lesen Fortigate UTP Dan  
Forticare Untuk 15 Unit  
Access Point  
Bagi Kementerian Pengangkutan  
Dan Infokomunikasi (MTIC)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu, 13 Mei 2026  
Jam 2.00 Petang





# IMBASAN MINGGUAN



PARA pegawai seramai 13 orang yang juga selaku rombongan awal bersiap untuk bertolak ke Arab Saudi yang terdiri dari Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran dan Perubatan) bagi Musim Haji Tahun 1447 hijrah / 2026 Masihi menaiki pesawat Diraja Brunei (RB) BI421. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



KUMPULAN Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong mengadakan Program 'The Real Battle : The Journey Back to Allah' bertempat di XTI Space, Kampung Sengkurong. - Foto : Nurdiyanah Rajami.



BENGKEL Kemahiran Asas Memanik anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong yang merupakan satu inisiatif bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta bengkel. - Foto : Nurdiyanah Rajami.



ANTARA yang menyertai acara Penanaman Pokok dan Pembersihan Pantai Coastal Marvel yang berlangsung di Taman Rekreasi Pantai Muara. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



KEDUTAAN Jepun di Negara Brunei Darussalam menganjurkan Bengkel Ikebana (seni gubahan bunga Jepun) bertempat di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3C) Kementerian Pendidikan. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



SEBAHAGIAN aktiviti yang diadakan sempena Sambutan Hari Buku Sedunia anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan yang berlangsung di Atrium, Setia Point, Jalan Jaya Setia. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

# GOTONG-ROYONG MEMBERSIHKAN KAWASAN KAMPUNG



AHLI-ahli Majlis Perundingan Kampung Kasat bersama penduduk kampung baru-baru ini mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kampung (atas dan atas kanan).

Oleh : Siti Rokiah Abdullah  
Foto : Ihsan Haji E'riffin Haji Mohd. Yusof

**KASAT**, Sabtu, 25 April. - Dalam usaha memupuk semangat kerjasama dan mengukuhkan ikatan silaturahim sesama komuniti setempat, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat bersama penduduk kampung baru-baru ini telah mengadakan

aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kampung. Aktiviti termasuk memotong pokok-pokok yang menghalang jalan raya yang menghalang pandangan pengguna jalan raya. Selain itu, tujuan aktiviti bergotong-royong juga adalah

untuk mencantikkan lagi kawasan kampung agar lebih bersih, kemas dan teratur.

Aktiviti berkenaan bukan sahaja mencerminkan perpaduan yang jitu dalam kalangan masyarakat, malah turut menyemai dan memperlihatkan keprihatinan mereka terhadap keselamatan awam.

Pada aktiviti berkenaan, salah



seorang penduduk Kampung Kasat juga telah menyampaikan sumbangan berupa satu set mesin pemotong kayu yang baharu berukuran 16 inci. Turut disumbangkan ialah satu set meja lipat untuk kegunaan MPK Kasat.

Adalah diharapkan sumbangan yang dihulurkan akan memudahkan

para Ahli MPK dan penduduk kampung untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan pada masa yang akan datang.

Turut hadir memeriahkan aktiviti gotong-royong berkenaan, Ketua Kampung Kasat, Awang Haji E'riffin bin Haji Mohd. Yusof dan Awang Haji Bakar bin Mansor.

## Imbangan perdagangan catat lebih BND507.9 juta

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. - Jumlah perdagangan pada Februari 2026 adalah sebanyak BND1,443.3 juta, yang terdiri daripada eksport bernilai BND975.6 juta dan import berjumlah BND467.7 juta, seterusnya mencatatkan imbangan perdagangan lebih sebanyak BND507.9 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 69.1 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 28.6 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 25.1 peratus, diikuti oleh Republik Rakyat China dan Republik Sosialis Viet Nam, masing-masing sebanyak 21.2 peratus dan 10.4 peratus.

Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala bagi import, penyumbang utama adalah bahan api galian sebanyak 36.8 peratus, diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 25.0 peratus, dan makanan sebanyak 14.0 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 24.7 peratus, diikuti oleh Australia sebanyak 14.9 peratus, dan Republik Rakyat China sebanyak 12.5 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian dan jentera dan

kelengkapan pengangkutan.


Import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan untuk pemrosesan barangan perantara sebanyak 59.1 peratus, diikuti oleh barangan modal bagi operasi perniagaan sebanyak 34.3 peratus, dan barangan penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 6.6 peratus.

Berbanding Februari 2025, jumlah perdagangan menurun sebanyak 19.5 peratus pada Februari 2026, didorong oleh penurunan eksport dan import masing-masing sebanyak 13.2 peratus dan 30.2 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi Februari 2026 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.



### PERANGKAPAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA FEBRUARI 2026 BND Juta



**سوروهنجاي فرخدمتن عوام**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

**1** **iklan jawatan kosong**

**2** **Kalendar saya**

**3** **kedudukan permohonan**

**4** **aduan saya**

**Status Permohonan Kerja**

Bahagian	Status	Bil. Permohonan
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	100
II	PROSES PERAKUAN	100
III	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	100
IV	TIDAK HADIR	100
V	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	100
VI	PERMOHON DITERIMA	100

[WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

# 13 INDIVIDU DITAHAN ATAS KESALAHAN CURI

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. – Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menahan 13 suspek sejak pertengahan April 2026 berhubung kes-kes pencurian kabel dan pembelian barangan curi di beberapa kawasan dalam negara.

Unit Siasatan Pecah Rumah dan Curi Kereta (USPRCK), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), telah menahan dua suspek lelaki tempatan berumur 30 dan 32 tahun pada pertengahan April di kawasan Bandar Seri Begawan, disyaki mencuri dan merosakkan kabel Unified National Networks (UNN) di sebuah bangunan di kawasan tersebut.

Susulan siasatan, seorang lelaki warga asing berumur 39 tahun kemudiannya ditahan pada 20 April 2026, disyaki membeli kabel curi tersebut.

Di Daerah Temburong, Balai Polis Bangar telah menahan seorang lelaki tempatan berumur 41 tahun dan seorang perempuan tempatan berumur 39 tahun pada 13 April 2026 di kawasan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin.

Beberapa keping besi dan gulungan wayar kabel dijumpai di dalam kenderaan mereka dan

PASUKAN Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya menahan 13 suspek sejak pertengahan April 2026 berhubung kes-kes pencurian kabel dan pembelian barangan curi di beberapa kawasan dalam negara (kiri, kanan dan bawah).

dalam membanteras jenayah pencurian kabel yang menjejaskan infrastruktur awam negara.

PPDB mengingatkan orang ramai agar melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan melalui Talian Kecemasan 993. Syarikat-syarikat kitar semula juga diseru untuk memainkan peranan dengan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya menerima bahan logam seperti tembaga yang mencurigakan sumbernya.

Tindakan sewajarnya akan diambil ke atas syarikat-syarikat yang didapati menerima barang curi tanpa mengambil langkah-langkah yang berpatutan. Di bawah Seksyen 411, Kanun Hukuman Jenayah (Penggalt 22), kesalahan menerima atau menyimpan barangan curi boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, denda, atau kedua-duanya sekali.

Hukuman boleh dipanjangkan sehingga 10 tahun sekiranya kesalahan tersebut menjejaskan infrastruktur awam.



siasatan mendapati mereka mencuri kabel milik UNN di kawasan berdekatan Kampung Bangar.

Balai Polis Berakas pula menahan dua lelaki warga asing berumur 38 dan 39 tahun pada 17 April 2026. Kedua-dua suspek, yang merupakan pekerja pembinaan di tapak projek tersebut, disyaki mencuri besi tembaga dari tapak projek pembangunan tempat mereka bekerja sendiri.

Di Daerah Belait, dua lelaki tempatan berumur 34 dan 46 tahun ditahan pada 23 April 2026, disyaki mencuri dan menjual kabel di kawasan Belait dan Daerah Brunei dan Muara dan pada 24 April 2026, tiga lelaki dan seorang wanita warga tempatan, berumur sekitar 34 ke 51 tahun, telah ditahan di kawasan flat dipercayai cuba mencuri kabel.

Tangkapan-tangkapan ini merupakan sebahagian daripada usaha menyeluruh yang diketuai oleh USPRCK, dengan sokongan penuh semua balai polis daerah di seluruh negara sejak tahun lalu.

Kerjasama antara pihak berkuasa di semua peringkat ini mencerminkan komitmen PPDB



## Kes akaun keldai meningkat, sentiasa berwaspada

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. – Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai peningkatan ketara kes jenayah penipuan dalam talian yang melibatkan penggunaan akaun keldai dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Sejak bulan Januari hingga April 2026, PPDB telah menerima peningkatan laporan berkaitan kes penipuan dalam talian yang menggunakan akaun bank milik individu bagi tujuan memindahkan dan menyembunyikan hasil jenayah.

Akaun-akaun ini telah disewa atau diserahkan oleh pemiliknya kepada pihak ketiga tanpa menyedari implikasi undang-undang yang serius. Anggaran jumlah kerugian yang dilaporkan bagi tempoh ini adalah melebihi BND1 juta, sekali gus menunjukkan keseriusan ancaman jenayah ini kepada masyarakat dan ekonomi negara.

Hasil daripada siasatan yang dijalankan, seramai 45 individu yang terdiri 25 lelaki dan 20 wanita dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 59 tahun telah ditangkap kerana dipercayai terlibat dalam aktiviti menyewakan akaun mereka untuk digunakan dalam jenayah penipuan dalam talian.

Kesemua suspek disiasat di bawah peruntukan undang-undang iaitu Kanun Hukuman Jenayah (Penggalt 22), Akta Penyalahgunaan Komputer (Penggalt 194) dan Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah 2012.

Dalam kes ini, sindiket akan memperdaya individu dengan menawarkan bayaran lumayan bagi penggunaan akaun bank seperti melalui tawaran pekerjaan palsu, pelaburan tidak wujud serta arahan kewangan yang mencurigakan.

PPDB menegakkan kepada orang ramai bahawa perbuatan menyewakan, meminjamkan atau menyerahkan akaun bank kepada individu lain - walaupun dengan alasan untuk 'membantu' atau sebagai 'sumber pendapatan mudah' - merupakan satu kesalahan serius.

Individu yang terlibat boleh dikategorikan sebagai bersubahat dalam aktiviti jenayah dan boleh dikenakan tindakan undang-undang tanpa mengira sama ada mereka secara langsung terlibat dalam penipuan tersebut atau tidak.

Sehubungan itu, pihak polis juga menyarankan kepada orang ramai agar sentiasa berwaspada dan tidak sesekali menyerahkan maklumat perbankan, Kad ATM, nombor PIN atau akses akaun kepada mana-mana pihak.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya menolak sebarang tawaran yang mencurigakan yang melibatkan penggunaan akaun bank mereka oleh pihak lain.

PPDB akan terus mempergiatkan usaha penguatkuasaan dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas tanpa kompromi terhadap mana-mana individu yang didapati terlibat dalam kegiatan ini.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan aktiviti penipuan dalam talian atau penggunaan akaun keldai adalah disarankan untuk melaporkan kepada pihak polis melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau ke balai-balai polis yang berdekatan.



KESEMUA suspek disiasat di bawah peruntukan undang-undang iaitu Kanun Hukuman Jenayah (Penggalt 22), Akta Penyalahgunaan Komputer (Penggalt 194) dan Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah 2012.

penuh amanah dan integriti.

Namun, defendan memilih untuk mengkhianati amanah itu semasa menjalankan tugas dan pada waktu bekerja. Walaupun jumlah BND200 tidak besar, mahkamah menegaskan bahawa defendan telah menyalahgunakan kedudukannya untuk kepentingan peribadi walaupun dia mempunyai tanggungjawab kepada orang awam.

Tingkah laku ini telah menjejaskan keyakinan orang awam terhadap integriti Perkhidmatan Awam. Mengikut pertuduhan, defendan mengaku menerima suapan sebanyak BND200 sebagai dorongan untuk mempercepatkan proses permohonan Lesen Pekerja Asing yang dihadapkan oleh agensi tersebut.

Siasatan oleh Biro Mencegah Rasuah telah dimulakan selepas tersebarnya mesej tular yang mengatakan bahawa individu-individu di Jabatan Buruh meminta bayaran daripada orang awam untuk memudahkan permohonan sedemikian. Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Jordan Tiah Teck Chiun manakala defendan tidak diwakili.

terhadap Noor Rasidah binti Othman, 36 tahun atas kesalahan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

Yang Arif Majistret menegaskan bahawa wujudnya faktor yang memberatkan oleh kerana defendan sebagai kerana kaunter yang berurusan secara langsung dengan orang awam, sepatutnya melaksanakan tugas dengan



## Dijatuhi hukuman atas kesalahan rasuah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 April. – Seorang Kerani Kaunter di Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijatuhkan hukuman penjara 11 bulan oleh Mahkamah Majistret, di sini, selepas didapati bersalah menerima suapan daripada agensi pekerjaan tempatan pada Februari 2019.

Yang Arif Majistret Syaffina binti Shahif menjatuhkan hukuman



## Pertahan, martabatkan makanan tradisi 'kitani'

Rencana dan Foto : Nurdiyana Rajami

JIKA tiada yang lama, pasti tidak akan ada yang baharu, begitulah istimewanya kuliner tradisi Melayu kita yang setentunya memiliki kepelbagaian dan keunikan yang tersendiri untuk menjadi suatu warisan budaya yang seharusnya dipertahankan, diperkembangkan serta diperjuangkan oleh masyarakat di negara ini.

Mempertahkannya adalah menjadi tanggungjawab bersama. Ungkapan sebegitu kedengaran cukup mudah, namun hakikatnya untuk mengekalkan dan mempertahankan sesuatu warisan itu agar tidak dihakis oleh arus kemodenan memang sukar tanpa sebarang usaha yang gigih daripada semua pihak.

Dalam menyaksikan zaman silih berganti, begitulah juga perubahan yang dapat kita lihat terhadap pelbagai kuliner masyarakat di negara ini yang semakin berkembang mengikut arus kemodenan bak cendawan tumbuh selepas hujan.

Bagaikan peluang keemasan, mengimbas kembali kenangan penulis menemui salah seorang ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B' yang juga menjadi ahli Persatuan Warisan Kedayan Jerudong di kampung tersebut yang memiliki kemahiran dalam bidang masakan tradisi Melayu Kedayan sememangnya suatu yang sungguh mengembirakan penulis untuk berkongsi kepada pembaca Pelita Brunei dalam sama-sama menerokai beberapa makanan tradisi Melayu Kedayan.

Hakikatnya, masyarakat Melayu Kedayan khususnya di Kampung Jerudong juga memiliki pelbagai hidangan tradisi yang penuh keunikan dan keistimewaan yang tersendiri sebagaimana yang diketengahkan oleh masyarakat Melayu jati yang lain di negara ini.

### Kulinari asli masak kunyit

Antara masakan kampung yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Melayu Kedayan ialah Daging Masak Kunyit dan Ayam Tua Masak Kunyit. Dengan menggunakan bahan-bahan alam semula jadi seperti kunyit hidup dan serai dan juga ramuan-ramuan asli yang lain.

Begitulah istimewanya hidangan kampung yang ditampilkan sehingga apabila kita menikmatinya pasti mampu mengimbau nostalgia detik-detik kemanisan sewaktu menikmati hidangan dalam suasana kampung halaman suatu masa lalu.

### Rebung Masak Air bersama Kulat Tahun

Selain itu, masakan sayur yang dikenali dengan panggilan Rebung dan Kulat Tahun Masak Air juga menjadi salah satu keunikan kuliner yang dimiliki oleh masyarakat mereka. Sayur rebung atau dalam bahasa Kedayan disebut 'abung' dan juga kulat dipotong dan dihiris seperti memanjang atau mengikut cita rasa sendiri.

Kulinari yang berkonsepkan masakan air itu bersapak udang segar diserikan lagi dengan beberapa ramuan asli menambahkan kelazatannya. Namun lebih menyelerakan lagi apabila ditambah dengan lada padi dan makan bersama nasi putih, pasti kenikmatannya tidak terkata.

### Kuih Sumbui-sumbui unik, lazat

Salah satu kuih tradisi yang juga dimiliki oleh Puak Melayu Kedayan ialah Kuih Sumbui-sumbui. Dikenali dengan nama Sumbui-sumbui disebabkan kuih berkenaan disaluti luaran dengan tumbuhan

Sumbui-sumbui.

Manakala bahan-bahan utamanya terdiri daripada adunan tepung beras dan pisang yang telah dikisar atau dilenyek sehingga lumat dan kemudian digaul rata dengan air panas serta sedikit garam dan gula. Kemudian gabungan adunan yang sudah sebatu itu dimasukkan ke dalam setiap tumbuhan Sumbui-sumbui berupa acuan kecil.

Sebelumnya, pastikan tumbuhan Sumbui-sumbui berkenaan telah dicuci sehingga bersih dan dikeringkan dan kuih tersebut dimasak secara kukus. Selain itu, Kelupis, Lapat dan Dalam juga merupakan antara kuih tradisi yang diwarisi oleh puak jati tersebut sehingga kini.

### Sejenis tumpi versi Melayu Kedayan

Kuih Bikang juga merupakan salah satu kuih tradisi Puak Melayu Kedayan yang mungkin kurang dikenali oleh generasi kini. Bahan-bahan asasnya terdiri dari adunan kisanan tepung beras dan kelapa parut yang telah dikisar halus kemudian digaul rata dalam air panas secukupnya serta sedikit garam.

Setelah adunan tersebut digaul sehingga sebatu, maka letakkanlah adunan dalam anggaran satu senduk sudu besar itu dimasak secara digoreng di atas pembakar dengan menggunakan api yang sederhana iaitu sama seperti apabila kita membuat hidangan tumpi.

Apabila adunan yang digoreng dalam tekstur yang tidak terlalu lembut dan juga keras maka menandakan ia telah siap untuk dinikmati. Hidangan yang sesuai dinikmati untuk sarapan pagi mahu pun minum petang, lebih enak lagi apabila dicacah bersama susu manis ketika masih panas.

### Mempertahkannya tanggungjawab bersama

Sehubungan itu, sejajar dengan matlamat tulus MPK Jerudong 'B' untuk terus bergerak dan berkembang ke hadapan menerusi 1K1P dan juga menjadi sebagai salah satu pakej destinasi pelancongan dari semasa ke semasa, ahli-ahli MPK berkenaan sentiasa berganding bahu dan begitu aktif menerima kunjungan daripada rombongan pelancong yang bukan hanya terdiri daripada masyarakat tempatan bahkan juga para pelancong dari luar negara sehingga kini.

Menariknya, setiap lawatan berkenaan telah memberi peluang kepada para rombongan pelancong untuk menyaksikan salah satu pengisian menarik iaitu demonstrasi makanan tradisi Puak Melayu Kedayan secara langsung daripada golongan ahli MPK Jerudong 'B' yang mahir sekali gus mempraktikkan cara penghasilan pelbagai kuliner tradisi tersebut.

Oleh yang demikian, dalam menongkah arus zaman yang semakin mencabar pastinya Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali menaruh harapan tulus untuk terus menyemai anak-anak muda tanah air kita sebagai pelapis bangsa Melayu sendiri dalam sama-sama berjuang memartabatkan kuliner asli warisan Melayu dari semasa ke semasa, baik secara persendirian mahu pun perniagaan bermula dari kecil-kecilan.

Hal ini begitu penting disemai agar khazanah budaya bangsa kita akan terus diingati dan diperkenalkan serta ianya sentiasa memenuhi cita rasa orang lama dan juga generasi muda di negara ini dan sekali gus dikenali di mata dunia. Segalanya adalah tanggungjawab kita bersama untuk bersatu supaya tidak pupus ditelan zaman.





# Semoga mendapat haji yang mabrur

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Ihsan Ahmad Syatir Haji Roslan

"**D**AN Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya". (Ali Imran: 97).

Alhamdulillah, tidak lama lagi bakal jemaah haji negara kita akan berangkat menuju Mekah untuk menunaikan ibadat haji. Kumpulan pertama bakal jemaah haji akan berlepas ke Tanah Suci bermula pada 4 Mei 2026 pada penerbangan pertama dan diikuti tiga hari berikutnya bagi penerbangan kedua, ketiga dan keempat sehingga 7 Mei nanti sekali gus menandakan bermulanya perjalanan umat Islam pada Musim Haji 1447 Hijrah. Seramai 1,020 *duyufurrahman* tanah air yang bakal menunaikan Rukun Islam Kelima itu dengan tujuh buah Syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji telah dilantik bagi menguruskan perjalanan dan kebajikan jemaah.

Sebelum itu, Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi mula mengeluarkan Visa Haji bagi Musim 1447 Hijrah atau 2026 seawal 8 Februari, kira-kira empat bulan sebelum musim ibadat bermula. Langkah itu menandakan permulaan lebih awal berbanding tahun-tahun sebelumnya, ketika kerajaan bersiap sedia menyambut lebih satu juta jemaah ke Kota Suci Makkah. Menurut Pihak Berkuasa Am Statistik Arab Saudi (GASTAT), seramai 1,673,230 jemaah menunaikan haji pada 2025, dengan 90 peratus daripadanya adalah jemaah antarabangsa dan 95 peratus tiba melalui udara.

Pada tahun ini, sebanyak 485 kem khas telah diperuntukkan untuk menempatkan jemaah antarabangsa, manakala 73 pejabat urusan haji di pelbagai negara telah memenuhi syarat kontrak asas.

## Cabaran yang dihadapi bakal jemaah haji

Melihat pada suasana pergolakan dunia

masa kini, musim haji kali ini sedikit sebanyak akan mendatangkan cabaran baik dari segi fizikal mahupun spiritual. Walaupun ketegangan antara Amerika Syarikat (AS) dan Israel dengan Iran dilihat sedikit reda berbanding fasa awal konflik, perkembangan semasa menunjukkan keadaan masih jauh daripada stabil.

Rundingan antara Washington dengan Tehran, termasuk usaha melalui saluran diplomatik tidak rasmi, belum mencapai titik penyelesaian konkrit, manakala ancaman terhadap laluan strategik seperti Selat Hormuz terus mencetuskan kebimbangan global. Dalam keadaan ini, dunia Islam, terutama antara 1.7 juta hingga 1.9 juta jemaah sekali lagi menyaksikan ibadat haji berlangsung ketika ketidakpastian geopolitik.

Walau bagaimanapun, ini bukan kali pertama umat Islam menunaikan haji dalam suasana mencabar. Sejarah moden memperlihatkan ibadat ini terus berlangsung meskipun berdepan pelbagai ujian, termasuk ketika pandemik COVID-19 yang menyaksikan sekatan ketat dan pengurangan kuota secara drastik. Semua ini menggambarkan ibadat haji bukan sekadar perjalanan fizikal, tetapi manifestasi ketahanan spiritual umat Islam dalam apa jua keadaan.

Di sebalik semua cabaran ini, jemaah haji negara ini perlu mengambil iktibar bahawa cabaran luaran tidak seharusnya mengganggu fokus utama, iaitu menunaikan ibadat dengan sempurna. Segala persiapan yang sudah dilalui melalui kursus haji dan bimbingan manasik perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Pada masa sama, bakal jemaah haji perlu menjaga disiplin diri dan mematuhi sebarang arahan pihak berkuasa Arab Saudi serta mengawal emosi dalam suasana jutaan manusia berhimpun kerana ia menjadi kunci kepada kelancaran ibadat. Semoga jemaah haji terus mengekalkan imej yang baik dan berdisiplin tanpa menimbulkan sebarang konflik. Semua jemaah juga perlu mengekalkan disiplin diri ketika berada di

Tanah Suci nanti dan menjaga nama baik negara kita.

Pada masa sama, bakal jemaah haji diingatkan supaya tidak mudah terpengaruh dengan maklumat tidak sahih berkaitan perkembangan geopolitik atau sebarang isu sensitif yang boleh menjejaskan ketenteraman. Cabaran kebanjiran maklumat dalam era media sosial ketika melaksanakan haji tidak kurang penting untuk ditangani dengan rasional kerana ia membolehkan jemaah bertindak dengan betul dan memastikan keselamatan diri terpelihara.

Bagi petugas haji pula, amanah yang dipikul adalah berat bagi memastikan kemaslahatan para jemaah dalam keadaan baik dan lancar urusan. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab memastikan kebajikan, kesihatan dan pergerakan jemaah berjalan lancar, malah membawa imej negara di mata dunia. Profesionalisme yang digabungkan dengan nilai rahmah dan keikhlasan menjadi kekuatan utama. Selain menjaga kesihatan diri, jemaah perlu mengawal perbelanjaan dan berjimat cermat terutama ketika situasi ekonomi dunia yang bergolak ketika ini. Sentiasa fokus pada tujuan ibadat haji agar mendapat haji yang mabrur.

## Penjagaan kesihatan

Bagi bakal jemaah haji, ibadat haji bukan sekadar Rukun Islam Kelima tetapi ia juga ujian kemampuan, termasuk kemampuan dari segi kesihatan fizikal dan mental. Tanpa tubuh yang sihat, ibadat haji yang sempurna sukar untuk dicapai kerana kesukaran untuk fokus mengerjakan ibadat tersebut. Tubuh yang sihat akan memudahkan serta menjaga keselamatan, kelancaran dan kesempurnaan ibadat untuk *duyufurrahman*.

Walau bagaimanapun, untuk menangani sebarang kesulitan yang disebabkan masalah kesihatan, Kerajaan Arab Saudi telah mengambil langkah proaktif dengan

menyediakan kemudahan hospital sektor awam dan swasta yang moden dengan teknologi terkini dan menambah anggota kesihatan bagi operasi haji serta perkhidmatan kesihatan di kawasan utama ibadat haji.

Dalam dunia yang terus bergolak, ibadat haji kekal sebagai simbol kesatuan dan kekuatan ummah. Semoga semua jemaah terutama sekali bakal jemaah negara kita dipermudahkan urusan, dikurniakan kesihatan yang baik serta memperoleh haji yang mabrur.

## Haji yang mabrur

Haji mabrur adalah impian setiap muslim yang menunaikan ibadat haji. Setiap muslim yang melaksanakan ibadat haji tentu berharap hajinya mabrur dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Haji mabrur adalah istilah yang merujuk pada haji yang diterima dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Istilah ini berasal dari bahasa Arab, di mana 'mabrur' bererti 'diterima' atau 'dibukakan'. Dalam konteks ibadat haji, haji yang mabrur adalah ketika seorang jemaah mampu menjalankan rukun dan sunnah haji dengan ikhlas, dan setelah melaksanakan ibadat tersebut, mengalami perubahan positif dalam hidupnya.

Membersihkan dosa untuk mencapai haji mabrur ini melibatkan tindakan taubat, istighfar dan saling memaafkan sesama. Jadi, bakal jemaah haji perlu merenungkan perbuatan mereka yang melanggar aturan agama dan sungguh-sungguh bertaubat, memohon keampunan Allah Subhanahu Wata'ala dan berjanji tidak mengulanginya lagi. Selama menunaikan ibadat haji, bakal jemaah harus khusyuk agar ibadat yang dilakukan mendapat reda dari Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga semua bakal jemaah haji kita akan sentiasa dipermudahkan urusan mereka ketika berada di Tanah Suci Mekah dan kembali ke tanah air dengan mendapat haji mabrur.



# SUSPEK INSIDEN TEMBAK DI RUMAH PUTIH DITAHAN

WASHINGTON, 26 April. - Seorang individu telah ditahan susulan insiden tembakan pada majlis makan malam wartawan Rumah Putih di Washington, DC, kata Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Malam yang agak luar biasa di DC. Perkhidmatan Rahsia dan penguat kuasa melakukan kerja yang hebat. Mereka bertindak pantas dan berani. Penembak telah ditangkap," menurut Trump pada platform Truth Social beliau.

Kenyataan itu dibuat selepas presiden dan isteri, Melania Trump, dibawa keluar daripada acara tahunan di Washington Hilton susulan insiden berkaitan keselamatan.

Dalam hantaran berasingan, Trump berkata Melania, Naib

Presiden JD Vance dan semua anggota Kabinet, "dalam keadaan baik." "Kami akan bercakap dengan anda dalam masa setengah jam. Saya telah bercakap dengan semua wakil yang bertanggungjawab bagi acara itu, dan kami akan

menjaduakan semula majlis dalam masa 30 hari," tambahnya.

Menurut Perkhidmatan Rahsia seorang individu berada dalam tahanan. "Keadaan mereka yang terlibat belum diketahui, dan pihak berkuasa sedang giat menilai situasi," katanya. - ©BERNAMA

## Rangkaian sushi Jepun cipta Rekod Guinness bagi tuna termahal dalam lelongan

TOKYO, 25 April. - Sebuah pengendali rangkaian sushi Jepun meraih gelaran Rekod Dunia Guinness bagi tuna paling mahal dalam lelongan selepas membayar 510.3 juta yen (USD3.2 juta) pada lelongan pertama tahun ini, lapor Kyodo News Agency.

Tuna sirip biru seberat 243 kilogram itu ditangkap di perairan

Oma di wilayah Aomori, timur laut Jepun.

Kiyomura Corp., yang mengendalikan rangkaian sushi Sushizanmai, membelinya di pasar ikan Toyosu, Tokyo pada 5 Januari.

Tuna itu dipotong di cawangan utama Sushizanmai di Tsukiji dan dihidangkan di restoran-

restorannya di seluruh Jepun.

"Kami akan terus menawarkan tuna berkualiti tinggi pada tahun depan dan tahun-tahun seterusnya," kata Presiden Kiyomura Kiyoshi Kimura ketika menerima sijil Guinness dalam satu majlis di cawangan utama rangkaian itu pada 20 April.

la merupakan gelaran Rekod Dunia Guinness kedua bagi pengendali itu, yang sebelum ini diiktiraf bagi tuna sirip biru yang dibelinya pada harga 155.4 juta yen dalam lelongan pertama tahun 2013.

Menurut Kerajaan Metropolitan Tokyo, bidaan tahun ini adalah yang tertinggi sejak data perbandingan mula tersedia pada 1999.

Bidaan tertinggi dalam lelongan tahunan itu, yang hanya berjumlah 36 juta yen pada 2023, meningkat kepada 114 juta yen pada 2024 sebelum melonjak kepada 270 juta

yen pada 2025.

Berbelanja besar pada lelongan pertama tahun ini sudah menjadi tradisi dalam kalangan pembida, kerana ia dilihat membawa tuah selain memberi peluang kepada restoran meraih manfaat daripada publisiti.

Menyaksikan lelongan tuna pada awal pagi dari dek pemerhatian pasar itu menjadi tarikan utama pelancong.

Pengunjung dapat merasai suasana ketika tuna segar dihidangkan, dan pembida serta penjual berinteraksi. - ©BERNAMA

## Anggota UNIFIL Indonesia meninggal dunia selepas cedera dalam letupan

ISTANBUL/WASHINGTON, 25 April. - Seorang anggota pengaman Indonesia yang berkhidmat dengan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) meninggal dunia akibat kecederaan susulan letupan di sebuah pangkalan di selatan Lubnan, menurut misi itu pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi (AA).

UNIFIL memaklumkan Koperal Rico Pramudia, 31, cedera parah dalam "letupan projektil" di sebuah pangkalan di Adchit al-Qusayr pada malam 29 Mac sebelum meninggal dunia di sebuah hospital di Beirut. "UNIFIL dukacita atas pemergian Koperal Rico Pramudia hari ini," menurut misi itu dalam satu kenyataan.

Tanpa menamakan mana-mana pihak, pasukan itu menyeru semua entiti supaya menghormati kewajiban mereka di bawah undang-undang antarabangsa serta memastikan keselamatan anggota dan kemudahan PBB.

"Serangan yang disengajakan terhadap anggota pengaman merupakan pelanggaran

undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Resolusi 1701 Majlis Keselamatan, dan boleh dianggap sebagai jenayah perang," menurut kenyataan itu.

Jurucakap PBB Stephane Dujarric memberitahu pemberita bahawa Setiausaha Agung Antonio Guterres "amat dukacita" dengan kematian Pramudia yang berusia 31 tahun.

Dujarric menegaskan bahawa PBB telah mengambil langkah berulang kali bagi mengurangkan risiko terhadap anggotanya, termasuk berkongsi koordinat tepat kedudukan dan kemudahannya dengan tentera Israel.

Guterres "sekali lagi menyeru semua pihak supaya mematuhi kewajiban mereka di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa serta memastikan keselamatan anggota PBB, selain menghormati kekebalan harta dan aset PBB pada setiap masa," katanya.

Dengan kematian Pramudia, enam anggota UNIFIL terbunuh

manakala beberapa yang lain cedera parah dalam peningkatan ketegangan semasa, kata Dujarric. "Insiden-insiden ini tidak boleh diterima dan mesti dihentikan," katanya.

PBB menggesa pihak berkaitan supaya memastikan insiden berkenaan disiasat secara menyeluruh dan jika wajar, didakwa oleh pihak berkuasa negara, katanya. "Serangan terhadap anggota pengaman PBB boleh dianggap sebagai jenayah perang di bawah undang-undang antarabangsa," kata beliau.

Pada Khamis, Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump mengumumkan bahawa gencatan senjata antara Israel dan Lubnan dilanjutkan selama tiga minggu susulan rundingan peringkat duta di Rumah Putih. Gencatan senjata selama 10 hari yang diusahakan AS, yang berkuat kuasa pada 16 April, dijadual tamat pada Ahad.

Sejak 2 Mac, serangan Israel yang diperluas ke atas Lubnan mengorbankan lebih 2,200 orang dan menyebabkan lebih satu juta penduduk hilang tempat tinggal, menurut pihak berkuasa Lubnan. - ©BERNAMA

## Porsche jual keseluruhan pegangan saham dalam Bugatti

STUTTGART, 25 April. - Pengeluar kereta Jerman, Porsche, mengumumkan penarikan diri daripada pengeluar kereta sport mewah Bugatti, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kesemua 45 peratus pegangan sahamnya dalam syarikat usaha sama Bugatti Rimac akan dijual kepada sebuah konsortium yang diketuai oleh firma ekuiti swasta HOF Capital, menurut pengumuman pihak terlibat pada Jumaat. Bagaimanapun, kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan masih belum diperolehi.

Sebagai sebahagian daripada langkah itu, Porsche turut melupuskan pegangannya dalam Rimac Group. Sebelum ini, Porsche memiliki 20.6 peratus saham dalam syarikat pakar kereta sport elektrik Croatia itu.

Konsortium yang bakal mengambil alih pegangan itu merangkumi BlueFive Capital dari Abu Dhabi sebagai pelabur terbesar, serta pelabur institusi dari Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU). Porsche, Rimac, dan kumpulan pembeli berkenaan enggan mengulas mengenai harga pembelian itu.

Langkah ini menandakan Kumpulan VW akan keluar sepenuhnya daripada Bugatti. Volkswagen memperoleh hak

ke atas jenama mewah Perancis yang berprestij itu pada tahun 1998 dan menghidupkannya semula.

Pada 2021, kumpulan itu menyerahkan pegangan majoriti kepada usaha sama berkenaan, manakala anak syarikat VW, Porsche, telah memegang saham dalam Rimac sejak 2018.

Ketua Pegawai Eksekutif baharu Porsche, Michael Leiters, sebelum ini telah mengumumkan penyusunan semula menyeluruh terhadap pengeluar kereta sport dan kenderaan utiliti lasak (SUV) itu yang kini dilanda krisis pada Mac lepas.

Beliau berkata penjualan pegangan dalam Bugatti menunjukkan matlamat Porsche untuk memberikan fokus sepenuhnya kepada perniagaan terasnya. Porsche dilaporkan berdepan tempoh sukar sejak kebelakangan ini berikutan prestasi perniagaan di China yang terbantut, selain dasar tarif AS yang melibatkan kos yang tinggi.

Selain itu, model elektrik Porsche didapati kurang mendapat sambutan berbanding jangkaan asal, menyebabkan syarikat itu mengubah strateginya dengan memberi tumpuan semula kepada kenderaan enjin pembakaran dalaman melibatkan kos sekitar US\$2.8 bilion. - ©BERNAMA

## Wabak Salmonella di AS dikaitkan dengan ternakan ayam, itik di laman rumah

LOS ANGELES, 25 April. - Seramai 34 orang di 13 negeri di Amerika Syarikat (AS) dijangkiti strain Salmonella yang sama, dikaitkan dengan pendedahan terhadap ternakan ayam dan itik di laman rumah, menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS, lapor Xinhua.

Daripada 34 kes itu, 13 dimasukkan ke hospital dan tiada

kematian dilaporkan, kata CDC dalam kenyataan media pada Khamis. Menurut CDC, ayam dan itik yang dipelihara di laman rumah boleh menjadi pembawa bakteria Salmonella walaupun tidak menunjukkan tanda sakit dan kelihatan bersih.

Kebanyakan individu yang dijangkiti Salmonella mengalami cirit-birit, demam dan kekejangan perut

dalam tempoh enam jam hingga enam hari selepas terdedah kepada bakteria itu, menurut CDC.

Penyakit itu biasanya berlarutan antara empat hingga tujuh hari dan kebanyakan pesakit pulih tanpa rawatan. Bagaimanapun, dalam sesetengah kes, jangkitan boleh menjadi serius sehingga memerlukan rawatan di hospital. - ©BERNAMA

# BERKENAN BERANGKAT MENYAKSIKAN SUKAN ATHLETICS



Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Pantai Asia Ke-6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sukan Athletics, Sukan Pantai Asia Ke-6 (kiri sekali), manakala gambar kiri, atlet Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Dayang Qurratul Ain binti Irwan.

**SANYA, REPUBLIK RAKYAT CHINA,** Sabtu, 25 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sukan Athletics, Sukan Pantai Asia Ke-6 (6th Asian Beach Games Sanya 2026) di Sanya, Republik Rakyat China.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran

Muda Haji Sufri Bolkiah juga berkenan berangkat bagi menyaksikan acara Women's Long Jump Athletics di Phoenix Island dan berkenan mengurniakan sabda kata-kata motivasi dan nasihat kepada atlet di Athletes Lounge.

Bagi acara Athletics peringkat akhir, iaitu Women's Long Jump, atlet Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diwakili Dayang Qurratul Ain binti Irwan berjaya menamatkan saingan di kedudukan ke-13 dengan lompatan 4.40 meter (m).

Sementara itu, acara sukan Teqball Men's Double terpaksa ditunda dan dijadualkan semula ke tarikh baharu, iaitu pada

26 April 2026, berikutan hujan lebat yang menyebabkan perlawanan tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang.

Alhamdulillah, pada hari ini adalah perlawanan pertama bagi atlet-atlet negara dalam acara Womens Long Jump (Athletics) dan Mens Double (Teqball). Kontinjen juga pada hari ini sama seperti hari yang lain semua atlet dan pegawai berada dalam keadaan baik dan pengurusan kontinjen pada hari ini juga berjalan lancar.

Walau bagaimanapun, dengan keadaan cuaca yang hujan lebat

dan angin kuat, beberapa acara sukan telah dijadualkan semula ke 26 April 2026 termasuk acara Teqball Men's Double.

Dayang Qurratul Ain telah menunjukkan usaha yang bersungguh-sungguh untuk bersaing dengan jaguh-jaguh negara Asia. Sungguhpun menamatkan saingan di kedudukan yang terakhir, namun semangat yang dipamerkan adalah sangat baik.

Keputusan catatan jarak yang diperoleh, iaitu 4.40m boleh dijadikan sukat-sukat bagi prestasi acara lompat jauh pantai pada

masa akan datang.

Kontinjen juga ingin mengambil kesempatan ini bagi menjunjung kasih atas keberangkatan dan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat bagi menyaksikan perlawanan sukan Athletics di Phoenix Island serta berkenan melawat atlet seterusnya mengurniakan sabda kata-kata nasihat kepada atlet-atlet yang bertanding.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kekuatan kepada semua atlet kita dan mudah mudahan bagi Awang Abdul Aqil bin Abdul Kadir bertanding esok dengan penuh semangat dan memperoleh yang terbaik bagi dirinya dan untuk NBD.

## Kejohanan cangkil bakat baharu pemain badminton



**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan piala dan pingat kejohanan.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 25 April. - Kejohanan Yonex Sunrise Brunei Terbuka 2026 memberi penekanan yang kuat terhadap pembangunan belia melalui penyertaan Kategori Bawah-15 (B15) dan Bawah-18 (B18) dan memperkukuhkan lagi usaha untuk membina generasi baharu pemain badminton kebangsaan.

Kejohanan yang diadakan baru-baru ini di Dewan Riadah, Pusat Belia dianjurkan oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) ini berfungsi sebagai platform utama untuk mengenal pasti dan membimbing bakat muda. Kejohanan ini juga bertujuan untuk mencari bakat baharu dan

menyiapkan mereka untuk latihan peringkat lebih tinggi serta mewakili negara di peringkat antarabangsa.

Johan bagi Kategori B15 Boys Doubles disandang oleh pasangan Muhammad Ahza Asyari bin Mohamad Saidun dan Muhammad Wyidad bin Haji Hamidon. Naib johan diraih oleh pasangan Lim Ren Jae dan Lim Ren Jun manakala tempat ketiga bersama dimenangi oleh pasangan Bryan Djap dan Keio Lim Tien Yi dan juga pasangan Goh Haw Yeu dan Goh Yeh Yeu.

Seterusnya bagi Kategori B15 Girls Doubles, johan diraih oleh pasangan Aggie Wong Wen Yi dan Shalene Lim Yu Han sementara naib johan ialah pasangan Nur Dhia

Hana Delisha binti Muhammad Hazim Zainul Arifin dan Rane Pong Xue Ching dan tempat ketiga bersama masing-masing dimenangi oleh pasangan Noor Rayhanaa binti Mohd. Sofian dan Nur Aisyah Alisha binti Khairul Anwar dan juga pasangan Joleigh Sam dan Vanessa Voon.

Kemudian, johan Kategori B18 Boys Doubles dirangkul oleh pasangan Bobby Feguson Chong @Chong Choon Wenn dan Muhd. Nur Febrian Nughero Rosli. Naib johan pula disandang oleh pasangan Muhammad Syarifudin bin Ermadena dan Noor Masaeriel bin Thomas dan pasangan Goh Hiaw Yeu dan Lim Ren Jae dan juga Muhd. Shahrul Badri bin Muhammad dan Muhd. Syazri bin Sumardi masing-masing memenangi tempat ketiga.

Sementara itu, johan bagi kategori B18 Girls Doubles dinobatkan kepada pasangan Jaslene Lim Yu Qin dan Sherreen Nyau Chai Yie dan naib johan ialah pasangan Najwa Adyarina binti Haji Amidon dan Nur Eiffah Humaira binti Haji Amidon manakala tempat ketiga disandang oleh pasangan Diana Syazana binti Sumardi dan Shalene Lim Yu Han dan Nur Aleesya binti Muhd. Baruddin dan Rane Pong Xue Ching.

Manakala itu, johan Kategori Youth Open Mens Double diraih oleh pasangan Muhd. Aziz Asyraf bin Haji Kamis dan Pengiran Abd. Halim Al Hakim bin Pengiran Haji Ismail dan seterusnya, naib johan disandang oleh Awangku Azri Safwan dan Woo Shang Huei serta tempat ketiga

pula diberikan kepada pasangan Amirul Hadi Sham dan Mohd. Firdaus bin Mohammad Ali.

Johan Kategori National Open Women's Doubles dinobatkan kepada pasangan Nuraqilah binti Haji Shahroney dan Siti Marinah binti Mohd. Salleh. Naib johan disandang oleh pasangan Leong Mei Fang dan Noor Azura binti Mohd. Salleh dan tempat ketiga bersama ialah pasangan Nurhidayatul Isma Isnon binti Ismail dan Siti Nor Fatihah binti Haji Zaidin dan pasangan Pengiran Nuraniqah Zarifah binti Pengiran Sahminan dan Pengiran Nurhaziqah Azmina binti Pengiran Sahminan.

Kategori National Open Mixed Double, johan disandang oleh pasangan Ahmad bin Haji Abd. Razak dan Nur Najmah Matshah. Naib johan pula diraih oleh pasangan Muhd. Shahrul bin Muhd. Jenin dan Siti Marinah binti Muhd. Salleh manakala tempat ketiga bersama ialah pasangan Muhd. Fairie Syah bin Ruslan dan Noor Nekma Rainah binti Haji Rosley dan pasangan Daniel Fikri bin Muhd. Ali Nor dan Nur Amirazarina binti Muhd. Amir Hidayatullah.

Seterusnya johan Kategori National Open Mens Singles dinobatkan kepada Dessan Chung Min Tin sementara naib johan ialah Muhd. Marhanif bin Muhd. Ali dan tempat ketiga bersama ialah Ahmad bin Haji Abd. Razak dan Matthew Anak Minggat.

Terakhir bagi Kategori National Open Men's Doubles diraih oleh pasangan Mohammad Aziz Asyraf bin Haji Kamis dan Muhd. Azizan Firdaus bin Ali Mustapha.

Manakala naib johan, pasangan Pengiran Abd. Halim Al Hakim bin Pengiran Haji Ismail dan Pengiran Haji Muhammad Afi bin Pengiran Haji Ahmad. Tempat ketiga bersama dimenangi oleh pasangan Md. Shari bin Haji Lamat dan Syafiq Abdullah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan piala dan pingat kejohanan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Penyertaan Acara Beregu B15 dan B18 memberikan peluang berharga kepada atlet muda untuk mendapatkan pendedahan pertandingan yang berstruktur, sambil merapatkan jurang antara penyertaan akar umbi dan laluan ke prestasi elit.

Penyertaan yang memberangsangkan, terutamanya dalam Kategori Junior, mencerminkan minat dan penglibatan yang semakin meningkat dalam sukan badminton dalam kalangan belia Brunei.

PBKBD terus menempatkan Brunei Open sebagai platform pembangunan strategik, menyokong matlamat jangka panjang untuk melahirkan pemain yang kompetitif bagi kejohanan serantau dan antarabangsa, termasuk Sukan SEA dan acara utama lain.

Dengan penumpuan kepada belia, Brunei Open 2026 menegaskan komitmen negara terhadap pembangunan sukan yang lestari dan kejayaan masa depan di peringkat antarabangsa.



## ATLET TEQBALL NBD TERLEPAS PELUANG KE SUKU AKHIR



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berangkat bagi menyaksikan acara Men's Double Teqball (kiri), manakala gambar kanan, pada perlawanan pertama yang diadakan di Sanya Bay Yuhai Club, Negara Brunei Darussalam tewas kepada Iraq.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen  
Negara Brunei Darussalam Sukan Pantai Asia Ke-6

**SANYA, REPUBLIK RAKYAT CHINA,** Ahad, 26 April. – Atlet Teqball Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Awang Ismail Ang dan Awang

Mohammad Hanis Hidayatullah bin Abdullah terlepas peluang untuk mara ke peringkat suku akhir dalam acara Men's Double Teqball.

Berangkat menyaksikan acara tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of

Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pada perlawanan pertama yang diadakan di Sanya Bay Yuhai Club, Negara Brunei Darussalam tewas 2-0 kepada Iraq dan perlawanan kedua

menyaksikan Pasukan Teqball NBD kalah 2-0 kepada Korea Utara selepas beraksi selama 21 minut.

Meskipun tidak mara ke peringkat suku akhir, Pasukan NBD tetap memberikan saingan kepada pihak lawan sehingga ke saat akhir pertandingan.

## Berangkat menyaksikan acara Lompat Jauh



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Pantai Asia Ke-6

**SANYA, REPUBLIK RAKYAT CHINA,** Sabtu, 25 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sukan Athletics di temasya Sukan Pantai Asia Ke-6.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sukan Athletics di temasya Sukan Pantai Asia Ke-6 (kiri sekali), manakala gambar kiri, bagi acara Lompat Jauh Lelaki, atlet Negara Brunei Darussalam, Awang Abdul Aqil bin Abdul Kadir menduduki tempat ke-13 dengan lompatan sejauh 5.25 meter.

pingat perak dan Jayathra Sampath dari Sri Lanka meraih pingat gangsa.

Awang Abdul Aqil mempamerkan usaha yang bersungguh-sungguh dan semangat juang yang tinggi dalam persaingan bersama atlet-atlet daripada pelbagai negara. Walaupun menamatkan saingan di kedudukan terakhir, beliau tetap menunjukkan komitmen, disiplin dan daya tahan yang membanggakan sepanjang acara berlangsung, sekali gus mencerminkan potensi untuk terus berkembang pada masa akan datang.

Pada acara Lompat Jauh Lelaki yang berlangsung di Phoenix Island itu, atlet Negara Brunei Darussalam, Awang Abdul Aqil bin Abdul Kadir menduduki tempat ke-13 dengan lompatan sejauh 5.25 meter.

Dalam acara tersebut, pingat emas diraih oleh Pham Van Nghia dari Viet Nam, manakala Tao Yege dari China meraih

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

UKHUWAH MERUPAKAN SENDI DAN TUNJANG KEPADA KEKUATAN PERPADUAN UMAT ISLAM